



M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2259]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Jadual:

Maksud B. 15 hingga B. 21 [Ruangan 2280]

Maksud B. 22 [Ruangan 2319]

USUL-USUL:

Wakil dalam Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia [Ruangan 2279]

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 [Ruangan 2280]

Maksud P. 22 [Ruangan 2319]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 16hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PETRONAS

1. **Tuan Lee Boon Peng** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Petronas setakat ini. Bagaimana dan di mana wang-wang ini dilaburkan.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, Tahun Kewangan (Financial Year) Petronas ialah dari 1hb April hingga 31hb Mac. Mengikut akaun yang telah diaudit, sehingga 31hb Mac 1978, jumlah keuntungan bersih terkumpul (accumulated nett profit) Petronas ialah 1,587 juta ringgit.

Kesemua keuntungan bersih itu adalah dilaburkan dalam berbagai skim pelaburan, seperti simpanan tetap dan securities. Dalam pada itu, sebanyak 1,400 juta ringgit daripada keuntungan bersih itu, adalah dimasukkan ke dalam Peruntukan (Reserve) bagi membiayai projek-projek petroliaam negara, seperti projek Gas Cecair Asli (LNG), baja ammonia dan kilang penapis. Adalah dianggarkan projek-projek itu akan memerlukan modal sebanyak \$5,000 juta.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini dalam bank manakah wang ini disimpan sebagai fixed deposit?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak perlu.

PELUANG PELAJARAN/PEKERJAAN/ PERUMAHAN

2. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana beliau sering menyarankan hendak membantu orang miskin tidak mengira bangsa, samada beliau akan melaksanakan polisi itu secepat mungkin di dalam bidang pelajaran, peluang pekerjaan dan perumahan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengadakan Dasar Ekonomi Baru yang matlamat utamanya ialah menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Kerajaan telahpun melaksanakan polisi tersebut sejak tempoh Rancangan Malaysia Kedua dan sedang serta akan meneruskan program-program pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Oleh itu rakyat Malaysia telah, sedang dan akan menikmati faedah daripada strategi Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan tanpa mengira kaum. Strategi tersebut adalah meliputi empat aspek yang penting iaitu:

- (i) Penyediaan bantuan kepada orang-orang miskin untuk membolehkan mereka menambah modal yang produktif atau mengurangkan perbelanjaan mereka;
- (ii) Penyediaan peluang-peluang seperti memberi pelajaran dan latihan untuk golongan miskin supaya dapat bergiat dengan lebih aktif dalam sektor pertanian dan bukan pertanian;
- (iii) Penyediaan perkhidmatan yang sempurna di bidang-bidang perumahan, pengangkutan, bekalan air dan letrik, pelajaran, kesihatan, amalan makanan dan pemakanan yang baik dan perancangan keluarga;

- (iv) Penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang produktif di sektor-sektor ekonomi iaitu dengan cara pembangunan perusahaan dan penempatan perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Perusahaan-perusahaan yang lebih digalakkan ialah yang menggunakan pekerja yang ramai, dan ini dibantu dengan pemberian dorongan yang berupa galakan fizikal.

Dalam hubungan ini adalah nyata bahawa rancangan membasmi kemiskinan di dalam DEB tidak hanya terhad kepada bidang pelajaran, pekerjaan dan perumahan sahaja. Oleh itu untuk memudahkan Ahli Yang Berhormat mengetahui dan memahami polisi tersebut, sukalah saya mengesyorkan supaya Ahli Yang Berhormat itu membaca Buku Rancangan Malaysia Ketiga khususnya Bab 1.

Tuan Chan Teck Chan: Memang baiklah didengar dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang kita menyokong dan yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru ini adalah merupakan satu dasar yang baik pada teorinya. Tetapi dalam masa perlaksanaannya selama 8 tahun ini, kita dapati banyak penyelewengan dan kepincangan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini samada di dalam bidang pelajaran, dalam pembangunan ekonomi dan lain-lainnya. Maka apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan supaya segala penyelewengan dan kepincangan ini boleh diperbetulkan atau diatasi.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana menyokong Dasar Ekonomi Baru dengan terang. Soal penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini bukanlah satu perkara yang baharu sahaja ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya kita daripada ahli-ahli biasa dalam parti pemerintah sentiasa mengkaji, mengawasi supaya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu dapat berjalan dengan seberapa kurang penyelewengan yang ada. Kita sentiasa mengawasi keadaan itu dan kalau ada penyelewengan, kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Y.B. ENCIK S. SAMY VELLU
MEMOHON TANAH KERAJAAN

3. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*)
minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa seorang Timbalan Menteri Y.B. Encik S. Samy Vellu, pernah memohon dan mendapat sebidang tanah Kerajaan di negeri Selangor semasa beliau seorang Ahli Parlimen dalam penggal Parlimen yang sudah;
- (b) samada perbuatan beliau ini sejajar dengan dasar untuk meluluskan tanah Kerajaan hanya kepada mereka yang benar-benar miskin;
- (c) samada perbuatan beliau ini telah mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri, jika ya, adakah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional memohon dan mendapat tanah Kerajaan; dan
- (d) memandangkan salahguna kuasa dan jawatan, bolehkah YAB Perdana Menteri membentangkan satu Rang Undang-undang yang melarangkan setiap Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri, isteri atau suami dan sanak saudara mereka dari mendapat sebarang tanah Kerajaan di mana-mana tempat dalam Malaysia, jika ya, bilakah Rang Undang-undang ini akan dibentangkan dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), saya sedar Encik S. Samy Vellu pernah memohon tanah Kerajaan di Negeri Selangor semasa beliau menjadi Ahli Parlimen dahulu. Tanah yang beliau minta itu adalah tanah perusahaan, tetapi permohonan beliau itu telah tidak diluluskan.

Mengenai soalan (b), permohonan untuk mendapatkan tanah oleh seseorang Ahli Parlimen adalah tidak menyalahi dasar tanah Kerajaan. Mengikut dasar yang diamalkan sekarang, tiada larangan bagi seseorang Ahli Parlimen memohon tanah Kerajaan.

Untuk menjawab soalan (c), Encik Samy Vellu tidak meminta persetujuan saya, kerana tiada peraturan yang menghendaki seseorang Ahli Parlimen mendapatkan persetujuan Perdana Menteri untuk memohon tanah.

Mengenai soalan (d), Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah membuat tuduhan bahawa Encik Samy Vellu telah menyalahgunakan kuasa dan jawatan untuk mendapatkan tanah, tetapi sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, tuduhannya itu adalah tidak benar kerana Encik Samy Vellu sebagai seorang Ahli Parlimen pada masa itu tidak dilarang dari memohon tanah. Oleh yang demikian, soal dia menyalahgunakan kuasa dan jawatan tidaklah berbangkit.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu undang-undang supaya melarang Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli Parlimen serta juga keluarga mereka dari memohon tanah Kerajaan yang berpatutan. Undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak munasabah. Di dalam urusan seumpama ini, panduan Kerajaan ialah mengawal penyalahgunaan kuasa oleh seseorang Menteri atau Timbalan Menteri atau Menteri Besar terutama di dalam urusan-urusan di mana Menteri-menteri yang berkenaan itu ada kuasa membuat keputusan.

Kita mestilah membezakan di antara menyalahgunakan kuasa dan jawatan dengan peluang seorang Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan lain-lain sebagaimana disebutkan di dalam soalan (d) itu memohon tanah Kerajaan asalkan permohonannya itu berpatutan dan tidak pula menyalahgunakan kuasanya jika kuasa itu ada di tangannya. Kalau seorang Menteri memohon tanah Kerajaan kerana misalnya hendak membuat rumah kediamannya dan kuasa meluluskan permohonannya itu di tangan orang lain, macam mana boleh dikatakan Menteri itu menyalahgunakan kuasa dan jawatannya kerana kuasa itu bukan di tangannya?

Saya percaya tidak semua permohonan Menteri-menteri dan orang-orang yang disebut di dalam soalan itu semua permohonannya telah diluluskan oleh pihak yang berkuasa. Maka macam mana saya

sebutkan tadi, kita hendaklah membezakan penyalahgunaan kuasa dan peluang walaupun seorang itu Menteri dan sebagainya yang memohon tanah dan masalah penyalahgunaan kuasa itu akan berbangkit dan tentu berbangkit jika kuasa meluluskan tanah itu adalah di tangan Menteri yang berkehendakkan tanah itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa pihak Kerajaan tidak hendak menahan Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk memohon tanah yang berpatutan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini panduan mengenai samada permohonan itu berpatutan atau tidak berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia misalkan hendak membuat tapak rumah, itu cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu panduan yang jelas, itu satu contoh tetapi ada lain-lain panduan. Itu baru satu contoh atau satu peristiwa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu memerlukan notis.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Soalan Mulut Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, ada dua kenyataan dalam soalan itu yang berlawanan dengan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (b) dan 23 (1) (o). Kenyataan pertama, ialah bahawa saya telah memohon dan mendapat sebidang tanah Kerajaan di negeri Selangor semasa saya seorang Ahli Parlimen dalam Penggal Parlimen yang lalu. Ini ialah kenyataan palsu oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai tiada mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (b).

Kedua, Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa saya menyalahgunakan kuasa dan kedudukan saya yang dengan sendirinya berlawanan dengan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (j). Kenyataan ini pun palsu juga. Ahli Yang Berhormat itu telah menimbulkan perkara ini dalam suratkhbar Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya kenyataan-kenyataan ini bertujuan memburuk-burukkan nama baik saya dan oleh itu, mengikut Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p), saya mohon mengusulkan bahawa perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya benarkan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput bercakap bukan soalan tambahan, kerana nama Yang Berhormat itu ada disebut di dalam soalan ini.

Saya memandang berat atas perkara ini, sebab biasa juga dan sudah menjadi kerap, sudah menjadi selalu Ahli-ahli Yang Berhormat membuat satu tuduhan, tohmah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan ini memang tidak diizinkan oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (o), sebagaimana minggu lalu pernah saya katakan dan juga saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada Peraturan Mesyuarat (Standing Orders) 23 (1) (b) itu jelas, iaitu Ahli Yang Berhormat sekalian, kalau membuat sesuatu kata-kata atau kenyataan, hendaklah bertanggungjawab atas kebenaran kata-kata itu.

Peraturan Mesyuarat 23 (1) (b) (dalam bahasa Melayu sudah saya jelaskan tadi) dan dalam bahasa Inggerisnya berbunyi:

“23 (1) (b). If a question contains a statement, the member who asks the question must make himself responsible for the accuracy of the statement;”

Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menjaga hal ini semua, orang boleh menggunakan waktu satu jam yang berharga di Dewan ini untuk membuat tuduhan kepada sebarang orang yang tidak disukainya. Ini akan menggagalkan tujuan mengadakan Soal-Jawab. Saya memandang berat atas perkara ini dan sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu suka hendak merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menulis dan perkara itu kalau saya fikirkan menasabah, akan dibawa dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang saya menjadi Pengerusinya untuk ditimbang oleh Jawatankuasa itu dan keputusan.

Jawatankuasa itu akan dirujuk kepada Dewan ini.

Tuan Chan Teck Chan: Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentu sedar bahawa matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah membasmi kemiskinan dengan memberikan peluang-peluang dan keutamaan kepada golongan yang tidak berada dan miskin itu. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menghadkan atau mencegah orang-orang yang berada yang bernasib baik seperti kita ini tidak boleh memohon apa-apa tanah untuk tempoh di mana kemiskinan di Malaysia masih serius dan masih belum dikurangkan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

BULAN DAKWAH

4. **Tuan Shamsuri bin Md. Salleh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tidak lama lagi akan diadakan dakwah dengan diberi nama Bulan Dakwah Malaysia. Bagaimanakah caranya pelaksanaan Bulan Dakwah tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, saya sedia maklum mengenai pelaksanaan Bulan Dakwah di Malaysia yang dijadualkan berlangsung dalam bulan Disember yang akan datang.

Di sepanjang Bulan tersebut, beberapa majlis ceramah, forum, pameran-pameran, simposium dan pertandingan-pertandingan yang berunsurkan Islam akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, cara pelaksanaan Bulan Dakwah ini ialah dengan mengadakan sebuah Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan yang akan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti Bulan Dakwah tersebut oleh Jawatankuasa Peringkat Negeri dan seterusnya Jawatankuasa Peringkat Daerah.

Rancangan mengadakan Bulan Dakwah biasanya merupai rancangan yang dikelolakan oleh Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Majlis atau Jabatan Ugama Islam di negeri-negeri. Setakat ini beberapa buah negeri sudahpun mengadakan Bulan Dakwah di peringkat negeri masing-masing dengan

dibantu oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan yang diaturkan ialah dengan mewujudkan satu urusetia di peringkat kebangsaan bagi menentukan segala aktiviti Bulan Dakwah itu dilaksanakan dengan lebih teratur. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan aktiviti di dalam Bulan Dakwah adalah tanggungjawab negeri masing-masing dan peraturan ini sesuai dengan peruntukan Perlembagaan negara di mana perihal ugama adalah di bawah kuasa negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kegiatan-kegiatan yang diadakan itu mengenai Dakwah ini adalah sejajar pula dengan kehendak Al-Quran itu sendiri. (*Dengan izin*) "Wal takun minhum ummatun yad 'una ilal khair wayakmurun bil makruf, wayanhauna 'anil mungkar." Ertinya: "Hendaklah ada di antara kamu segolongan ummah yang mendakwah kepada kebaikan dan yang menyuruh kebaikan dan melarang kejahatan." Sekian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa berdakwah dan bertakwa kepada Allah adalah amalan setiap orang-orang Islam dan pada setiap masa, tidak hanya Minggu ataupun Bulan Dakwah sahaja yang dikenakan amalan itu. Jika sedar apakah ekoran Bulan Dakwah itu akan diikuti dengan Tahun Dakwah, atau seterusnya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

PUSAT PEMULIHAN AKHLAK

5. Puan Yong Fatimah binti Md. Razali minta Menteri Kebajikan Am menyatakan bilangan pusat pemulihan akhlak di negara ini dan sejauh manakah pusat-pusat ini berkesan dan memberi faedah kepada penghuni-penghuni dalam memperbaiki akhlak kaum wanita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak empat buah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di Malaysia, iaitu satu di Cheras, Selangor; satu di Kuala Trengganu; satu di Rembau; dan satu di

Batu Gajah, Perak. Keempat-empat buah Pusat ini boleh menempatkan seramai 510 orang penghuni.

Satu kajian telah dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan di Kementerian ini dalam tahun 1973 untuk menilai sejauh mana berkesannya perkhidmatan yang telah diberikan menerusi dua buah pusat pemulihan yang ada pada masa itu. Kajian tersebut menunjukkan bahawa rundingcara dan bimbingan, didikan moral, bimbingan ugama serta latihan vokesyenal yang diberi di Pusat-pusat tersebut telah dapat memberikan kesan yang berfaedah kepada penghuni. Dari seramai 205 orang bekas penghuni yang terlibat dalam kajian itu, seramai 138 orang ataupun 67.3% didapati tidak kembali ke lapangan maksiat dalam tempoh tiga tahun selepas mereka dibebaskan. Lebih kurang 51% daripada mereka pula atau 104 orang telah mendapat pekerjaan, antara lainnya sebagai orang gaji di rumah, pekerja kilang dan penghias rambut di kedai-kedai kerinting rambut.

TANAMAN SEMULA GETAH

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan komen buruk yang telah dibuat baru-baru ini oleh seorang hakim terhadap sistem memproses permohonan untuk mendapat bantuan menanam semula getah, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki sistem itu oleh RISDA supaya rasuah dan urusan yang tidak baik itu dapat dielakkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, sejak timbul kes tanam semula pada tahun 1972 di Perak itu (sebagaimana komen seorang hakim baru-baru ini) beberapa kajian yang teliti telah dibuat dan seterusnya tindakan-tindakan yang tertentu telahpun dilaksanakan demi menjamin supaya kes-kes yang serupa dan masalah-masalah lain yang berkaitan tidak timbul di masa-masa yang akan datang.

Tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan sejak penubuhan RISDA adalah seperti dihuraikan di bawah ini:

1. Pindaan telah dibuat kepada Ordinan Tanam Semula dan Akta RISDA untuk

menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil, khususnya berhubung dengan bantuan tanam semula. Mengikut pindaan ini, Menteri yang bertanggungjawab adalah diberi kuasa penuh untuk menarik balik bantuan tanam semula jika didapati bantuan itu tidak digunakan untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil.

2. Pindaan-pindaan telah juga dibuat dalam Ordinan terhadap takrif pemilik tanah supaya keraguan berhubung dengan hal ini tidak lagi timbul.
3. Di samping tindakan dari segi undang-undang yang telah diambil seperti yang dinyatakan di atas, satu yunit khas yang dinamakan Yunit Inspekteret dan Penilaian telah ditubuhkan di dalam RISDA dengan tujuan di antara lain untuk mengadakan kawalan yang rapi terhadap bayaran-bayaran bantuan tanam semula.
4. Hasil dari kajian yang dijalankan berkenaan dengan sistem memproses tanam semula ianya telah melahirkan kesefahaman yang lebih jelas tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem itu. Tiap-tiap tingkat di dalam memproses itu telah dianalisa dan di mana ada terdapat proses yang tidak mustahak ianya dimansuhkan daripada sistem itu. Sejajar dengan ini peraturan-peraturan yang lebih sesuai telah dirangkakan.
5. Kelemahan-kelemahan yang terdapat pada borang-borang tanam semula seperti borang permohonan, borang pemeriksaan dan lain-lain borang telah juga dikaji pada akhir 1976.
6. Di mana pekebun-pekebun kecil yang menyertai Rancangan Tanaman Semula melantik wakil untuk menerima bantuan, maka peraturan-peraturan yang sedia ada berhubung dengan bayaran bantuan kepada wakil itu telah diperkemas. Mengikut peraturan yang baru ini tuan tanah boleh menarik balik perlantikan wakil itu pada bila-bila masa sahaja tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau persetujuan wakilnya itu.

Di dalam surat perjanjian di antara tuan tanah dan wakilnya ada

dinyatakan dengan jelas tentang beberapa ansuran bantuan yang hendak dibayarkan kepada wakil itu. Ini semua adalah dijalankan untuk mempertahankan hak mutlak pekebun kecil supaya tidak dapat dipermainkan oleh sesiapa juaupun.

7. Di antara tanah yang dipohon bantuan tanam semula ada juga terdapat tanah-tanah yang mana tidak ada menunjukkan bukti yang jelas samada ianya pernah mengandungi pokok-pokok getah tua pada suatu masa dahulu. Di mana perkara ini berlaku pada masa-masa yang lepas, kelulusan untuk menanam semula adalah ditimbang berdasarkan kepada kenyataan atau bukti daripada rekod-rekod yang diperolehi daripada Pejabat Tanah. Walaupun rekod daripada Pejabat Tanah ini boleh memberi pertolongan yang besar untuk RISDA membuat taksiran kelulusan tersebut, akan tetapi cara kepastian yang lebih kemas perlu diadakan dan ini telahpun dijalankan. Mengikut peraturan yang baru ini RISDA sendiri hendaklah menentukan dan berpuashati yang tanah itu pernah mengandungi getah tua pada suatu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang diambil seperti yang disenaraikan ini dipercayai dapat memastikan supaya kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang dihadapi di dalam sistem yang sedia ada itu boleh dapat di atasi di samping menentukan pentadbiran rancangan tanaman semula yang lebih berkesan lagi.

Pihak Kementerian sentiasa bertindak tegas terhadap rasuah dan tidak akan bertolak-ansur dalam hal rasuah ini. Setakat ini 16 kakitangan RISDA telah dibawa ke Mahkamah. Seorang sudah didapati bersalah dan 15 orang lagi masih menunggu keputusan perbicaraan.

KANUN KEHUTANAN

7. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Kanun Kehutanan yang dicadangkan itu dilaksanakan di dalam negara ini untuk mencegah penebangan pohon-pohon dengan tiada tentu arah oleh negeri-negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak dapat menyatakan dengan tepatnya bilakah Kanun Kehutanan Negara seperti yang dicadangkan itu akan dapat dilaksanakan di dalam negara ini. Ini adalah memandangkan bahawa Kanun yang berkenaan itu masih lagi dalam bentuk draf, dan perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan Majlis Perhutanan Negara dan Majlis Tanah Negara sebelum ianya dibentangkan di Parlimen dan juga di Dewan-dewan Perundangan Negeri mengikut Perkara 76 Perlembagaan Malaysia.

Kanun Kehutanan Negara digubal untuk menggantikan berbagai-bagai Enakmen dan Peraturan Hutan yang sekarang ini berkuatkuasa dalam tiap-tiap negeri secara berasingan sejak tahun tiga puluhan lagi.

Kanun Kehutanan Negara seperti yang dicadangkan itu akan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam semua Enakmen-enakmen Hutan yang berjalan kuatkuasanya di negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia sekarang dan seterusnya mengemaskini serta menyeragamkan supaya sejajar dengan keperluan, kemajuan dan perkembangan sektor perhutanan yang moden di negara kita. Setelah Kanun Kehutanan Negara ini mendapat kelulusan daripada pihak yang berkuasa seperti tersebut di atas, maka barulah ianya dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan di negara ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya Kanun Kehutanan ini dilaksanakan nanti, adakah ianya memberikan kesan ataupun melibatkan negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Speaker, buat masa ini dalam draf yang dirangkakan ianya tidak termasuk lagi perkiraan untuk pelaksanaan Kanun tersebut bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

UNIVERSITI ASEAN

8. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau akan menimbang membuat anjuran kepada negara-negara ASEAN supaya

diadakan sebuah Universiti ASEAN sebagai satu langkah untuk mengeratkan persahabatan dan perasaan bersatu-padu di antara negara-negara ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kasim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perkara penubuhan Universiti ASEAN masih lagi di dalam peringkat kajian dan pertimbangan, dan perkara ini belum lagi dikemukakan di dalam mesyuarat Jawatankuasa ASEAN. Walaupun begitu kajian lanjut dan perbincangan awal dengan negara ASEAN perlu dijalankan sebelum apa-apa tindakan seterusnya diambil.

KEMALANGAN JALANRAYA

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa kemalangan jalanraya boleh dikatakan setiap hari berlaku di Malaysia; ini adalah berpunca dari sebab-sebab:

- (a) jalan-jalan di Malaysia tersangat sempit tidak seperti di negara-negara lain;
- (b) kurang cermat pemandu kenderaan berat semasa berada di jalanraya.

Tindakan Kerajaan bercadang untuk memperluaskan jalan-jalanraya supaya seimbang dengan kenderaan-kenderaan dan apakah tindakan Kerajaan supaya pemandu-pemandu kenderaan berat memandu lebih cermat ketika berada di jalanraya.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, sejumlah besar kemalangan jalanraya yang berlaku di negara kita bukanlah disebabkan oleh keadaan jalan sahaja, tetapi juga oleh kerana kelalaian pemandu-pemandu, tidak mematuhi papan-papan tanda, kenderaan-kenderaan yang tidak dijaga dan juga bertambah banyaknya bilangan kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalanraya sekarang.

Kerajaan memang berusaha bagi membina jalanraya-jalanraya serta memperbaiki dan meluaskan jalanraya-jalanraya yang merbahaya supaya menyesuaikan jalan-jalan tersebut dengan bilangan kenderaan yang bertambah setiap tahun. Bagi tujuan ini

Kerajaan telah menguntukkan jumlah wang yang banyak dalam Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu dan juga Rancangan Malaysia Ketiga ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, jalanraya-jalanraya yang baru yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, Seremban dan Karak baru sahaja dibina untuk kegunaan orangramai. Banyak lagi pembinaan jalanraya-jalanraya seumpama itu akan diusahakan bagi keselesaan dan keselamatan pengguna-pengguna jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pemandu-pemandu kenderaan berat yang didapati cuai sewaktu memandu di jalanraya, tindakan-tindakan kuatkuasa yang tegas sedang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis bagi mengawal kedudukan ini. Lain-lain usaha yang difikirkan perlu juga dipergiatkan dari masa ke semasa. Ini termasuklah bagi memberi ingatan kepada mereka yang cuai itu melalui kempen-kempen keselamatan jalanraya dan mass media supaya berwaspada di jalanraya demi untuk keselamatan kita bersama.

Bagaimanapun tanggungjawab mengenai masalah keselamatan jalanraya bukanlah merupakan tanggungjawab Kerajaan sahaja. Kerajaan boleh mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal dan peraturan-peraturan bagi mengawal lalu-lintas tetapi kerjasama orangramai terutamanya pengguna-pengguna jalanraya dan pemandu-pemandu dalam menggunakan kemudahan-kemudahan itu dan mematuhi peraturan-peraturan adalah amat penting. Hanya dengan adanya kesedaran dan kerjasama inilah, saya yakin kemalangan jalanraya dapat diatasi.

Tuan Yusof bin Mallim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di atas penerangan Menteri yang berkenaan tadi mengakui dua sebab berlakunya kemalangan di jalanraya. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sehingga hari ini masih banyak lagi jalan-jalan yang sepatutnya tidak boleh digunakan oleh kenderaan berat tetapi dilalui juga oleh kenderaan berat.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa had-had laju yang ditentukan bagi lori balak dan sebagainya

langsung tidak diindahkan oleh pemandu-pemandu. Saya ingin tahu apakah tindakan segera yang patut diambil?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apabila jalan diperbaiki, sungguhpun kita adakan limit berapa batu sejam tetapi kereta-kereta itu lari laju juga. Kawalan ada dibuat dari masa ke semasa, sungguhpun begitu, kita tidak boleh mengawalkan semua tempat sekali. Kerajaan memang sedar dan dengan seberapa bolehnya ada menjalankan kawalan.

PEGAWAI PERTANIAN DAERAH

10. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan, bahawa memandangkan pentingnya hendak menolong petani-petani bertani secara moden, tidakkah Kementerian ini bercadang hendak melantik siswazah-siswazah Universiti Pertanian untuk menjadi Pegawai Pertanian Daerah, hingga pada masa ini jawatan tersebut hanya dipegang oleh kelulusan diploma, perkara ini telah berlanjutan lebih kurang 50 tahun.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sememangnya ada mengambil siswazah-siswazah dari Universiti Pertanian Malaysia dan juga dari universiti-universiti lain untuk memegang jawatan Pegawai Pertanian Daerah. Dalam usaha Kerajaan hendak membantu petani-petani mempertingkatkan taraf hidup mereka dan memodenkan sektor pertanian, kegiatan dan beban kerja di Jabatan-jabatan Pertanian Daerah semakin bertambah, dengan sebab itu semenjak beberapa tahun yang lalu pegawai-pegawai pertanian di setengah-setengah daerah telah dilantik daripada golongan siswazah.

Walau bagaimanapun saya akui di setengah-setengah tempat masih terdapat pegawai-pegawai dari kelulusan Diploma Pertanian menjalan tugas-tugas Pegawai Pertanian Daerah. Keadaan ini bergantunglah kepada besar kecil sesuatu daerah itu dan aktiviti-aktiviti pertanian di daerah-daerah yang berkenaan.

SEKOLAH MENENGAH PADANG SERAI

11. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar

bahawa Sekolah Menengah Padang Serai masih tidak mampu menampung bilangan murid yang bertambah dari kampung-kampung di sekitarnya dan jika ya, samada beliau bercadang mendirikan sebuah sekolah menengah rendah di kawasan ini untuk mengatasi kesulitan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Sekolah Menengah Padang Serai Kulim sekarang ini tidak mampu untuk menampung pertambahan murid-murid.

Untuk mengatasi masalah ini satu projek tambahan yang menelan belanja sebanyak \$300,000 untuk 7 buah bilik tambahan dan alat-alat perabut telah diluluskan oleh Kementerian ini untuk sekolah tersebut.

Projek tambahan ini telah diluluskan pada tahun 1976 dan projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangka dapat digunakan pada tahun hadapan.

Untuk menampung pertambahan murid-murid dalam tahun 1980, Kementerian saya telah meluluskan pada tahun ini satu lagi projek Sekolah Menengah Padang Serai II yang mengandungi 12 bilik darjah dengan peruntukan sejumlah \$572,000 termasuk perabutnya sekali. Pembinaan tambahan sekolah menengah Padang Serai sekarang ini adalah di peringkat 20% siap.

RUMAH-RUMAH SETINGGAN

12. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa buah rumah-rumah setinggan akan terlibat kerana projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan di masa dua tahun depan di dalam Wilayah Persekutuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, banciaan bagi menentukan bilangan setinggan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan adalah dibuat berasaskan kepada bilangan keluarga dan bukan bilangan rumah setinggan. Asas ini digunakan memandangkan bahawa ada juga terdapat rumah-rumah setinggan yang diduduki oleh lebih dari satu keluarga. Mengikut rekod Dewan Bandaraya setakat ini

terdapat 2,915 keluarga setinggan yang perlu dipindah sehingga awal 1980 kerana terlibat dengan 25 projek pembangunan dalam Wilayah Persekutuan. Setinggan-setinggan yang terpaksa dipindah oleh sebab terlibat dengan projek pembangunan itu adalah diberi keutamaan bagi mendapatkan rumah-rumah murah Dewan Bandaraya.

BANK PEMBANGUNAN ISLAM

13. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan Bank Islam di negeri ini. Jika Kerajaan tidak bercadang berbuat demikian, apakah sebab-sebabnya; dan
- (b) adakah Kerajaan akan membenarkan pihak-pihak swasta menubuhkan Bank itu di negara ini. Kalau Kerajaan tidak hendak membenarkannya apakah sebab-sebabnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suka saya memaklumkan sebagaimana yang diketahui umum Kerajaan bersama dengan negara-negara Islam yang lain sudahpun menubuhkan Bank Pembangunan Islam yang pada masa ini ada membuat berbagai-bagai pinjaman dan Kerajaan telahpun mengemukakan cadangan kepada Bank Pembangunan Islam untuk pertimbangannya supaya menubuhkan sebuah pejabat cawangan di Kuala Lumpur ini. Dan pada masa ini adalah didapati bahawa perkhidmatan bank-bank perdagangan biasa yang ada di Malaysia ini sudahpun mencukupi untuk melayani segala kehendak-kehendak rakyat jelata sekalian. Oleh hal yang demikian sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam sidang Dewan pada persidangan yang lalu Kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk menubuhkan Bank sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di negeri ini.
- (b) Jika pihak-pihak swasta ada cadangan hendak menubuhkan Bank Islam di negara ini, pertimbangan yang wajar akan diberi kepada sebarang permohonan itu.

GRED SEKOLAH-SEKOLAH

14. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pelajaran menyatakan bila pengumuman mengenai gred sekolah-sekolah akan dibuat oleh kerana pengumuman ini dibuat sekali dalam masa lima tahun dan pengumuman terakhir telah dibuat dalam tahun 1972 dan samada pengumuman ini akan dibuat dalam tahun ini.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman akan dibuat selepas proses menggredkan semula sekolah selesai pada awal tahun 1979. Pada masa ini proses untuk menggredkan semula sebahagian besar sekolah telahpun selesai, tetapi oleh kerana ada beberapa masalah yang melibatkan percantuman dan perpisahan beberapa sekolah tertentu yang baru dikaji, pengumuman hanya boleh dibuat setelah perkara-perkara ini di atasi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan kalau sekiranya sekolah ini digred, umpamanya sekolah rendah, mengikut tahun 1972 kalau sekolah itu 400 ke atas hingga 799 orang muridnya ini digredkan (B) dan 800 muridnya digredkan (A). Adakah kaedah yang sama akan digunakan dalam penggredan yang akan dibuat ini?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dasar menggredkan sekolah-sekolah ini adalah berasaskan kepada dasar yang digunakan pada tahun-tahun yang lalu.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri samada tunggakan gaji Guru-guru Besar yang terlibat dalam penggredan sekolah ini akan diberi sebelum sekolah ini digredkan terutama sekali di Sarawak?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah di Sarawak pada masa ini belum lagi digredkan seperti yang telah dicapai di Semenanjung Malaysia, oleh kerana beberapa faktor yang tertentu. Jadi masalah pembayaran tunggakan gaji Guru-guru Besar yang menyandang sebagai Guru Besar sekarang belum dapat diselesaikan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kalau berpandukan kepada

penggredan yang telah dijalankan pada tahun 1972, kita dapati Guru-guru Besar yang terlibat di sekolah-sekolah yang digredkan itu mengikut sama digredkan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri samada Guru-guru Besar yang terdapat di sekolah-sekolah yang mungkin digredkan ini yang belum dapat superscale atau special gradenya akan diberi peluang terus memegang jawatan itu dan terus dipertimbangkan dari segi kenaikan pangkat mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar sedikit daripada soalan asal. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kepada sekolah yang diketuai oleh seorang guru sekarang dijadikan sekolah gred (A) umpamanya, tetapi kelayakan dan pengalaman guru itu tidak membolehkan beliau dinaikkan pangkat ke gred (A) mungkin guru itu akan ditransferkan ke sekolah yang sesuai dengan pengalaman dan kelayakan guru itu.

BORANG PERMOHONAN RUMAH

15. Dr Tan Tjong Hong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Kementeriannya ada mengambil tindakan tertentu untuk mem-berhentikan perbuatan tidak sihat di bawah kaunter oleh setengah pegawai Kerajaan membolehkan beberapa orang senang mengambil borang permohonan dan dapat rumah jua.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak perlu mengambil apa-apa tindakan kerana tidak ada pengaduan yang lengkap yang telah diterima daripada mana-mana pihak pun.

TV PENDIDIKAN

16. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan meluaskan lagi rancangan TV Pendidikan yang pada masa ini adalah untuk murid-murid Darjah 3, 4 dan 5 kepada murid-murid Darjah 1 dan 2 memandangkan bahawa rancangan-rancangannya sangat menarik dan akan lebih bermakna serta berkesan kepada murid-murid di peringkat yang lebih rendah.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masa untuk siaran TV Pendidikan yang diperuntukkan telah digunakan sepenuhnya. Oleh itu diperingkat ini rancangan-rancangan TV Pendidikan tidak dapat diadakan untuk murid-murid Darjah 1 dan 2 dalam Sekolah-sekolah Rendah.

Masa yang ditetapkan oleh RTM untuk siaran TV Pendidikan adalah di antara pukul 7.30 pagi hingga 5.00 petang selama 4 hari seminggu dari hari Isnin hingga hari Khamis. Sekiranya RTM dapat memberi masa tambahan selepas pukul 5.00, dengan cadangan ini bolehlah ditimbangan.

USUL

WAKIL DALAM JUMAAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan perenggan (i) seksyen 13 Jadual Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Dewan ini dengan ini mencalonkan Y.B. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh dan Y.B. Dr. Hee Tien Lai menjadi wakilnya dalam Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia selama 3 tahun.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan perenggan (i) seksyen 13 Jadual Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Dewan ini dengan ini mencalonkan Y.B. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh dan Y.B. Dr. Hee Tien Lai menjadi wakilnya dalam Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia selama 3 tahun.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang

Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (15hb November, 1978)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari yang ketiga Majlis ini membincang dan membahaskan Anggaran Perbelanjaan dalam Jawatankuasa; baru dua Kementerian, satu Kementerian baru selesai dan sekarang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih lagi dibahaskan dan saya telah berjanji pada hari semalam membenarkan lagi Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskannya tetap oleh sebab masa, kita ada 23 Kementerian yang mesti diselesaikan dalam tempoh 11 hari. Maka saya berharap kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat supaya ringkaskan teruskan ucapan itu kepada bagaimana yang telah saya minta beberapa hari yang lalu sebutkan Belanja Mengurus yang ke berapa atau Perbelanjaan Pembangunan yang ke berapa, Butiran berapa, Aktiviti yang ke berapa dan terus kepada itu.

Saya juga mengharapkan Yang Berhormat Menteri-menteri tidak menyebut hal dasar bila mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya samada Belanja Mengurus atau Belanja Pembangunan kerana pertama, bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat, yang kedua mengambil masa panjang. Dengan sebab itu, saya mengharapkan kepada semua pihak akan patuh kepada Peraturan Mesyuarat dan terus kepada membincangkan itu sahaja. Saya akan benarkan sekarang 3 orang sahaja, lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Maksud B. 15, B. 16, B. 17, B. 18, B. 19, B. 20 dan B. 21 (Jadual)—

Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.25 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, muka surat 97 di bawah Aktiviti (6) Kerajaan Tempatan, Butiran 1100.

Di sini sukacita saya hendak menyentuh kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Tempatan ini yang selalu bertanggungjawab meluluskan sebarang lesen untuk mana-mana badan yang hendak mengadakan pertunjukan dan sebagainya. Dalam perkara ini, sukacita saya menarik perhatian Dewan samada pihak Kerajaan sedar ataupun tidak, baru-baru ini keselamatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terancam tanpa disedari di dalam satu pembukaan yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri kepada satu pembukaan "Kereta Subaru" di sebuah hotel terkemuka. Rupa-rupanya di dalam pembukaan itu dewan tersebut dihiasi dengan belon-belon dan belon ini rupanya mengandungi sejenis gas dan hari ini ada terkeluar dalam siaran akhbar bagaimana apabila belon ini kena berhampiran dengan api rokok, belon ini meletup dan terbakar. Kalaupun sekiranya perkara ini berlaku di dalam pertunjukan pada hari perasmian tersebut, saya percaya kemalangan boleh berlaku. Dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tidak sesuai di bawah Maksud B. 15, Butiran 1100 dan Aktiviti (6)—ini kurang sesuai, ini berkenaan dengan gaji dan upahan iaitu boleh dikatakan kakitangan (staffing) dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memerlukan Anggaran Perbelanjaan tahun depan \$367,500. Jadi ini tidak sesuai di situ.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya juga ada sebut Aktiviti (3) Pelesenan dan Khidmat Nasihat—Bahagian Pelesenan, kalau tak salah saya di bawah Kerajaan Tempatan juga.

Tuan Pengerusi: Itu boleh.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, sukacitalah saya menarik perhatian khidmat Kerajaan Tempatan hendaklah juga mengawasi apabila meluluskan satu lesen kepada sebarang pertunjukan daripada segi keselamatan. Kita takut melalui pertunjukan ataupun perasmian sesuatu pembukaan seperti ini boleh diresapi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang boleh mengancam keselamatan pemimpin-pemimpin negara kita dan ini saya berharap

dapat dikuatkuasakan, bukan sahaja di peringkat pusat bahkan juga di peringkat negeri-negeri kerana di negeri-negeri dan di pekan-pekan juga pemimpin-pemimpin negara yang selalu dipanggil untuk merasmikan sesuatu pembukaan samada dalam pembangunan ekonomi ataupun pembangunan masalah sosial.

Tuan Pengerusi, syukur alham-dulillah perkara letupan ini berlaku setelah selesai dan berlaku kepada pegawai-pegawai yang tidak berdosa yang hendak bawa balik belon itu ke rumah. Kalau bawa balik ke rumah, kalau terkena pula, barangkali rumah pun boleh terbakar. Jadi saya mintalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bekerjasama dengan pihak Polis, lain kali tolonglah jalankan penyiasatan sedikit apabila perkara-perkara ini diusahakan oleh mana-mana pihak untuk mendapatkan lesen.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah masalah Aktiviti (5) Perumahan Negara. Dalam perkara ini pihak Kerajaan memanglah hendak menjalankan pengawasan dan penguatkuasaan. Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa ini saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dapat menubuhkan satu yunit yang boleh bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri yang baru-baru ini telah menubuhkan Yunit Komputer supaya pendaftaran dapat dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu tiap-tiap orang atau warganegara yang telah mempunyai rumah ataupun yang telah membeli rumah supaya ada rekodnya. Ini mustahak, Tuan Pengerusi, sebab untuk mengelakkan orang-orang yang tidak bertanggungjawab hendak mengambil kesempatan menjadi setingan, sebab pada hari ini Kerajaan sendiri menghadapi masalah tidak dapat membuat penentuan samada orang-orang yang menjadi setingan itu sungguh-sungguh mereka tidak mempunyai rumah atau tidak, ini akan menyulitkan keadaan. Oleh sebab sekarang ini kita ada lihat di Jabatan Perdana Menteri sudah ada Yunit Komputer, kalau ada kerjasama dengan pihak Kementerian saya percaya kita dapat mengawasi dan menyelaraskan pembangunan negara kita dari segi perumahan.

Sekarang ini kita takut seseorang itu boleh mempunyai lima atau enam buah rumah daripada satu tempat ke satu tempat kalau dia

mempunyai wang ringgit untuk membelinya dan pihak Kerajaan dan pihak yang berkuasa tidak mempunyai sebarang cara yang boleh menyekat ataupun mengesan samada seseorang itu telahpun mempunyai rumah walaupun pada satu ketika saya percaya kita telah menetapkan dasar iaitu tiap-tiap seseorang itu tidak dibenarkan mempunyai lebih daripada dua buah rumah. Ini juga tidak berjalan sekiranya tidak ada pengawasan dan penguatkuasaan dijalankan bersama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan daripada tiap-tiap negeri dengan Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Yunit Komputer dan kalau sekiranya telah dapat dijalankan barulah boleh berjaya dan barulah dasar Kerajaan kita mengenai masalah perumahan negara ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan tidak ada penyelewengan berlaku di kalangan rakyat jelata.

Yang ketiga, saya hendak bawa pula kepada Maksud B. 17, Aktiviti (3) Latihan mengenai bomba. Baru-baru ini kita telah dengar iaitu ahli-ahli bomba ini tidak puas hati mengenai masalah pembayaran gaji dan mereka menuntut supaya kedudukannya disamakan seperti warder di penjara. Perkara ini telah lama berbangkit, saya berharap sangat pihak Kementerian akan dapat menyelesaikan masalah kedudukan tuntutan ahli-ahli bomba ini dengan secepat mungkin. Dalam pada itu, saya minta pihak Kementerian janganlah memikirkan ahli-ahli Bomba itu cuma kerjanya untuk hendak memadam api. Dalam bentuk latihan ini tidakkah ada satu rancangan pihak Kementerian mengenai menggunakan tenaga ahli-ahli bomba ini memberi latihan kepada mereka dalam segi pertolongan cemas dan ini ada hubungannya dengan St. John Ambulance ataupun pihak Kementerian Kesihatan supaya tiap-tiap ahli bomba ini dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan latihan pertolongan cemas dan juga kita semua faham sekali sekala berlaku kemalangan yang mana berkehendakkan pihak bomba menolong.

Sebagai contoh, apabila berlaku kanak-kanak mati tenggelam, siapa hendak menyelam ke dalam lombong ataupun dalam sungai. Kalau kemalangan ini berlaku, dicari pihak bomba juga. Jadi, sebenarnya ahli bomba ini pada pandangan kita seintas lalu

cuma untuk berlaku kebakaran tetapi hakikat yang sebenarnya tugas-tugas ahli bomba ini di kalangan masyarakat banyak dan sepatutnya tuntutan mereka itu diberi layanan dengan sepenuhnya dan dalam pada itu diberi latihan beberapa perkara yang boleh ahli-ahli bomba ini digunakan dan dapat membantu masyarakat selain daripada kerjasama mereka waktu berlaku kebakaran.

Juga daripada muka surat 112, Maksud P. 17, Butiran (1) Balai Bomba dan Bangunan. Saya perhatikan oleh sebab penyusunan semula terutama sekali di kawasan-kawasan dalam bandar banyak Balai-balai Bomba itu sudah tidak sesuai lagi tempatnya walaupun di zaman penjajah dahulu sesuai. Jadi, saya berharap kepada Kementerian yang bertanggungjawab apabila hendak membuat pembinaan kepada Balai-balai Bomba yang akan datang hendaklah di tempat yang sesuai supaya kalau dapat panggilan mudah untuk kereta-kereta bomba itu keluar untuk menuju matlamatnya, tidak seperti sekarang misalnya dekat Pudu. Kadang-kadang saya sendiri melihat kereta bomba hendak keluar, keretapi pun hendak lalu. Jadi lama tertahan, hampir setengah jam di situ. Tempat-tempat seperti ini mesti dialihkan dengan segera supaya pihak bomba ini dapat menjalankan khidmatnya untuk orang ramai.

Perkara yang lain iaitu Maksud P. 19 mengenai masalah Perpustakaan Negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah membuatkan peruntukan iaitu masalah Koleksi Perpustakaan Negara, yang telah membuatkan satu peruntukan yang begitu kecil tetapi adalah bertujuan untuk hendak buat koleksi dan di sini saya berharap dengan adanya peruntukan ini dapatlah Kementerian yang berkenaan melalui Perpustakaan Negara dapat mengumpulkan bahan-bahan untuk menjadi rujukan sebab pada hari ini kita dapati anak-anak kita yang bersekolah menemui kesulitan bahan-bahan rujukan. Jadi, saya berharap Perpustakaan Negara akan dapat menyempurnakan kehendak-kehendak ini. Sebagai contoh saya terangkan dalam ucapan saya yang lalu mengenai misalnya, latarbelakang Wakil-wakil Rakyat sebagai contoh di peringkat Negeri dan di peringkat Parlimen sejak merdeka dahulu sudah habis, orang sudah lupa dan tidak

kenal pun. Pada hal perkara-perkara seperti ini merupakan bahan bacaan dan bahan sejarah. Saya perhatikan pihak Kerajaan kita ini tidak ambil berat sangat dalam perkara ini. Barangkali Kerajaan kita sibuk sangat dengan masalah pembangunan sahaja, jadi ada kalanya tertinggal. Jadi, saya berharap kita hidupkan kembali supaya dapat kita menggunakan badan-badan seperti Perpustakaan Negara, Arkib Negara ini seboleholehnya sungguh-sungguh boleh dapat membantu kehendak-kehendak rakyat jelata, terutama sekali di kalangan muda mudi kita yang masih banyak di antaranya jahil di dalam masalah latar belakang kedudukan sejarah negaranya sendiri.

Maksud P. 20, saya juga tertarik hati dengan Bahagian Percetakan Keselamatan (Security Printing), Mesin dan Kelengkapan. Dalam perkara ini saya berharap sekarang ini belumlah banyak lagi masalah tetapi dalam Bahagian Percetakan ini saya mintalah juga pihak Kementerian hendaklah membuat persediaan, masalah percetakan keselamatan (security printing) ini sepatutnya diselenggarakan dan ditadbirkan oleh Kerajaan kita. Walaupun pada hari ini ada badan-badan swasta yang menjalankan kerja ini tetapi saya rasa tidaklah mencukupi. Kalau banyak perkara-perkara yang penting demi untuk keselamatan dan rahsia negara sepatutnya Kerajaan sendiri mengadakan Bahagian Percetakan Keselamatan ini supaya rahsia-rahsia penting yang hendak dicetak oleh Kerajaan tidak keluar dan tidak diserahkan kepada badan swasta. Ini bukan bermakna kita tidak mempunyai keyakinan kepada badan-badan swasta tetapi kalau Kerajaan boleh melengkapkan perkara-perkara yang lain, kenapa tidak Kerajaan juga patut melengkapkan diri daripada segi percetakan keselamatan.

3.40 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka)

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh Butiran 2—Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan, muka surat 10.

Tuan Pengerusi, sungguhpun Kerajaan Tempatan telah dan sedang disusun semula di

bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 tetapi standard perkhidmatan dan kecekapan pentadbiran Kerajaan Tempatan ini masih tidak berubah dengan zaman sebelum penyusunan semula dijalankan. Umpamanya, aduan orang ramai terhadap perkhidmatan kebersihan, kecekapan pentadbiran, kedudukan kewangannya dan lain-lain masih kian meningkat khasnya dari segi deficit Kerajaan Tempatan kian merosot sehingga projek-projek pembangunan sosio-ekonomi pun tak dapat dijalankan. Ini termasuk projek-projek yang kecil seperti sistem longkang, pembaikan jalan dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, kesemua kelemahan dan kepincangan sistem Kerajaan Tempatan ini adalah berpunca daripada sistem perlantikannya, iaitu Ahli-ahli Majlisnya banyak dilantik daripada politikus-politikus yang tidak berkaliber, berkompeten dan berkepakaran terhadap pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Tempatan. Sebenarnya Kerajaan Tempatan ini kian dijadikan gelanggang persaingan kekuasaan dan perjuangan politik.

Tuan Pengerusi: Ini di bawah Maksud mana yang disentuh tadi?

Tuan Chan Teck Chan: Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan, Butiran 2, muka surat 102.

Tuan Pengerusi: Ini di bawah pembangunan?

Tuan Chan Teck Chan: Ya, dari segi pentadbiran dan perkhidmatan. Disebabkan sistem perlantikan hari ini maka ahli-ahli Majlis ini langsung tidak menghiraukan aspirasi dan jeritan rakyat serta kepentingan orang ramai, kerana mereka bukanlah dipilih oleh rakyat maka mereka merasa tidak bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Untuk mengatasi masalah pokok Kerajaan Tempatan ini.

Tuan Pengerusi: Ini masuk bab dasar am. Dalam Jawatankuasa tak boleh sentuh begitu.

Tuan Chan Teck Chan: Ini butir-butir mengenai apa sebab bantuan khas diberi kepada Majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi: Ya, menyebutkan composition, cara melantik ahli Majlis itu, bila perlantikan dan siapa yang menjadi ahli, itu menyentuh dasar bukan dalam Jawatankuasa.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya hanya sentuh apakah sebabnya bantuan khas yang berjumlah \$15 juta ini walaupun tiap-tiap tahun dinaikkan bantuan khas tidak akan mengatasi masalah pokok yang dihadapi oleh Local Councils.

Tuan Pengerusi: Itu boleh dicakapkan dalam masa membincangkan dasar am, bukan di sini. Di sini samada hendak luluskan \$15 juta atau tidak, atau kurangkan atau sebagainya.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah saya sebut dari segi \$15 juta itu.

Tuan Pengerusi, dalam pandangan saya walaupun bantuan khas boleh dilipatgandakan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan yang ada di Malaysia hari ini tetapi ini bukanlah merupakan satu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan hari ini. Tadi saya sudah menyebut bahawa masalah pokok ialah berpunca daripada cara pentadbiran dan perkhidmatan kerana sistem perlantikan ahli-ahlinya. Kalau kita boleh kembali kepada masalah pokok.

Tuan Pengerusi: Saya tak mahu dengar ucapan seperti itu lagi. Kalau hendak teruskan juga, saya tahan. Dasar am jangan sebut di sini, sudah habis masanya iaitu masa 9 hari minggu lalu. Sekarang apa yang berkenaan dengan ini, ialah bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Kerajaan Tempatan, tetapi cara dan dasar Majlis Tempatan itu bukan di sini tempatnya.

Baiklah, teruskan kalau ada yang lain daripada itu.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya hanya merayu kepada pihak Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk mempertimbangkan supaya berikhtiar mencari jalan yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan, kerana saya fikir bahawa kalaulah Kerajaan Tempatan hanya disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 ini tidaklah menjadi satu alat yang mustajab dan berkesan

untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi hari ini, Tadi saya telah berkata bahawa pokok masalahnya ialah bagaimana boleh memperbaiki dan mempertingkatkan taraf perkhidmatan dan kecekapan pentadbiran mereka ini, kecuali Kerajaan boleh timbangkan untuk mengembalikan sistem pilihanraya di Kerajaan Tempatan, saya fikir bahawa sekarang sudah sampai masanya untuk Kerajaan bertindak untuk mempertimbangkan cadangan yang saya kemukakan tadi.

Tuan Pengerusi, Kod 1100, muka surat 97—Perumahan Negara di bawah tajuk Pengawasan dan Penguatkuasaan. Yang mustahak sekali ialah Kementerian Perumahan perlu menambah atau melipatgandakan bilangan pegawai-pegawainya untuk memastikan bahawa semua projek perumahan yang diluluskan dan terletak di bawah pengawasannya adalah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan serta memperindungi kepentingan orang ramai dan pembeli khususnya. Saya perlu memberitahu Dewan ini bahawa kenyataan pembangunan perumahan hari ini seolah-olah sudah "out of control" baik terhadap kualiti atau harganya ataupun terhadap cara jual-beli dan pelaksanaannya.

Saya perlu menarik perhatian Dewan ini bahawa saya sudah banyak menerima aduan-aduan daripada orang ramai tentang perkara tersebut. Saya akan meringkaskan dan senaikannya seperti berikut:

- (1) Harga rumah-rumah yang dijual adalah terlampau tinggi, sebenarnya perbezaan harga rumah tidaklah berasaskan kepada kenaikan harga bahan-bahan pembinaan serta gaji pekerjanya.
- (2) Kualiti rumah tidak berasaskan spesifikasi serta nilai rumahnya. Pendek kata kualiti rumah adalah rendah dan seolah-olah satu penipuan telah dilakukan oleh pihak pema ju swasta.
- (3) Amalan menerima "tea money" di bawah counter, jika rumah kedai, ianya terlibat melebihi \$15 ribu dan biasanya ialah di antara \$3,000 hingga \$7,000 seyunit rumah yang ditemahnya.
- (4) Pema ju swasta tidak mengikut perjanjian untuk menyiapkan rumahnya

serta diserahkan kepada pembeli. Ini juga termasuk SEDC sendiri.

Tuan Pengerusi, nampaknya Menteri Perumahan perlu bertindak tegas untuk mengawasi dan mengawal segala malpractices ini, janganlah menunggu BSN bertindak, barulah Kementerian bertindak. Di sini saya perlulah berikan kepujian kepada BSN dengan inisiatif untuk menyasiat segala penyelewengan dan kepincangan yang berlaku dalam perusahaan pembinaan.

Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan satu tanggungjawab berat Menteri Perumahan untuk memastikan bahawa segala kepincangan dan penyelewengan itu diberhentikan dan dicegah daripada berlaku supaya kepentingan orang ramai dan pembeli dapat diperlindungi dalam tempoh ini dan juga sebagai langkah-langkah sementara waktu.

Untuk mengawasi dan mengawal keadaan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perumahan atas tiga langkah utama:

- (1) Kementerian Perumahan perlu menubuhkan sebuah badan pengawalan yang dinamakan Jawatankuasa Kawalan Harga Rumah untuk mencegah harga rumah melambung tinggi tanpa alasan yang memuaskan.
- (2) Menubuhkan sebuah badan untuk memeriksa dan memberhentikan segala amalan dan kepincangan untuk menerima "tea money" melalui cara bookingnya.
- (3) Menubuhkan sebuah pasukan petugas (task force) untuk menyasiat segala malpractice sepertimana yang didakwa oleh BSN supaya perkara loopholes ini boleh ditutup melalui undang-undang atau melalui satu pindaan diadakan terhadap Akta yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh Butiran 15, muka surat 102 berkaitan dengan Perumahan Awam Negeri-negeri. Tuan Pengerusi, cara yang paling berkesan untuk menurunkan harga rumah yang ada sekarang ialah Kerajaan sendiri perlulah memperbanyakkan projek-projek perumahan murah dan awam supaya masalah

kekurangan rumah dapat di atasi juga matlamat "house-owning democracy" ini boleh dicapai.

Saya merasa terperanjat dan kesal untuk melihat betapa lemah dan lambatnya Kementerian Perumahan untuk bertindak menjual rumah-rumah pangsa kepada penyewa-penyewanya. Jika negara jiran kita seperti Singapura sanggup berbuat demikian, maka apakah sebabnya Malaysia tidak boleh berbuat begini. Adakah ini bermakna bahawa Malaysia lebih lemah dan incompetent dari negara jiran kita? Saya tidak boleh menerima lima alasan yang diberikah oleh Timbalan Menteri tentang sebab musabab rumah-rumah pangsa tidak boleh dijual kepada penyewanya. Sebenarnya dengan penjualan ini, Kerajaan boleh menggunakan hasil jualan rumah ini untuk membina lebih banyak lagi rumah awam kepada orang-orang yang bergaji rendah dan tidak berumah. Wang pusingan ini sebenarnya lebih efektif daripada pinjaman yang diperolehi oleh Kementerian Perumahan.

Mengenai rancangan perumahan awam ini, beberapa perkara yang mustahak juga perlu diperhatikan oleh Kementerian Perumahan ialah:

- (i) Bunga yang dikenakan atas pinjaman kepada negeri-negeri ini perlulah diturunkan supaya Kerajaan Negeri tidak akan mengenakan sewa yang tinggi kepada orang-orang yang bergaji rendah seperti di Melaka setinggi \$80 sebulan kepada penyewa rumah pangsa yang ada sekarang.
- (ii) Kualiti rumah pangsa awam atau rumah murah perlulah dipertingkatkan kerana saya dapati satu kepincangan dan penyelewengan berlaku pada amalan tender sehingga harga rumah yang dibina ini tidak setaraf dengan harga binaannya. Ini perlulah disiasat dan dicegah daripada berlaku sehingga Kerajaan mengalami kerugian yang besar termasuk rakyat yang menghuni rumah-rumah.
- (iii) Sistem pemilihan dan pembahagian rumah perlu diperbaiki supaya rakyat dapat diyakinkan bahawa sistem pilihan dan pembahagian adalah adil tanpa didapati penyalahgunaan kuasa atau

pilih kasih. Juga dipastikan hanyalah pemohon-pemohon yang genuine dan tidak berumah boleh diperuntukkan rumah dan mereka inilah yang tinggal di dalamnya tetapi bukanlah disewakan atau di Ali-Babakan.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh Butiran 31, muka surat 103 mengenai Kemajuan Perkampungan. Memodenkan masyarakat perkampungan adalah merupakan salah satunya usaha utama Kerajaan yang mahu membasmi kemiskinan. Tetapi bagaimanakah kampung-kampung luar-bandar termasuk kampung baru dapat dimaju, dibangun dan dipermodenkan hanya dengan peruntukan \$5 juta sahaja. Bolehkah Menteri Perkampungan dan Kerajaan Tempatan memberitahu Dewan ini bagaimana cara memaju dan memodenkan perkampungan dengan peruntukan yang sedikit ini. Dalam peribahasa Tionghua berbunyi:

Bagaimanapun pandainya seorang suri-rumah ini memasak, tetapi ketiadaan beras disediakan, ianya tidak boleh buat apa-apa pun.

Inilah peribahasa Tionghua yang.....

Tuan Pengerusi: Gantikan dengan pulut (Ketawa).

Tuan Chan Teck Chan: Sebenarnya 465 buah kampung baru yang ada di Malaysia hari ini sudah melebihi 25 tahun dilalaikan. Masyarakat kampung baru ini tidak pernah dimasukkan dalam aliran pembangunan negara kita kecuali Kerajaan telah menubuhkan sebuah Kementerian Kampung Baru pada tahun 1973 selepas desakan DAP di Dewan ini. Tetapi sejak tahun 1973 hingga hari ini, Kerajaan hanya memperuntukkan \$25 juta kepada pembangunan masyarakat kampung baru. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya diperuntukkan \$15 juta sahaja. Bagaimanakah kampung baru ini boleh dimaju dan dipermodenkan sepertimana yang selalu dikatakan oleh Menteri Perkampungan dan Kerajaan Tempatan.

Perlulah disedari bahawa peranan Santa Claus yang dimainkan oleh Menteri Perkampungan dan Kerajaan Tempatan selama ini perlulah ditinjau dan diperhen-

tikan. Apakah gunanya peruntukan \$5,000 atau \$10,000 diberi ketika lawatannya ke kampung baru untuk pembinaan longkang dan lain-lain. Tetapi adakah beliau sedar bahawa masalah pokok yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru ialah:

- (i) Kekurangan tanah untuk pertanian dan untuk mendirikan tapak rumah;
- (ii) kekurangan sekolah yang diperlengkapkan;
- (iii) kekurangan jalan yang ditandakan untuk kemudahan dan kepentingan mereka; dan
- (iv) kekurangan bekalan air dan letrik;
- (v) pusat perubatan dan komunikasi awam.

Tuan Pengerusi, sebenarnya masalah yang dihadapi oleh kampung-kampung baru ini adalah senasib dan serupa dengan kampung-kampung luarbandar yang ada sekarang. Oleh yang demikian, saya mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya melipatgandakan peruntukan ini, umpamanya sekurang-kurangnya \$50 juta setahun perlulah diberikan, tetapi bukanlah \$5 juta seperti yang diperuntukkan sekarang.

Akhirnya, saya akan sentuh Butiran 1 dan 2, muka surat 112 yang berkaitan dengan Perkhidmatan Bomba.

Tuan Pengerusi, malapetaka yang tertimpa kepada Kompleks Campbell ini adalah merupakan satu pengajaran yang paling pahit dan costly bagi Malaysia. Ini juga menunjukkan sistem pemadaman api dan kelengkapan pemadam api kita sangat jauh daripada memuaskan. Kita tidak boleh hanya mengizinkan bangunan-bangunan yang melangit tinggi ini dibina tanpa mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan kepakaran pemadam-pemadam api Jabatan Bomba kita. Kalaulah kebakaran berlaku pada sesebuah bangunan yang bertingkat-tingkat ini, di mana kelengkapan bomba kita tidak boleh menjalankan tugasnya, maka adakah kita semua berdiri di sana untuk melihat api yang tidak kenal kasihan ini, membakar dan menelan hartabenda dan nyawa manusia.

Saya mendesak bahawa semua balai-balai bomba dan kelengkapannya perlulah di

permodenkan supaya segala jenis kebakaran samada berlaku di bangunan yang tinggi ataupun di dalam hutan atau mana-mana tempatpun supaya ianya boleh menjalankan tugasnya dengan berkesan tanpa membawa apa-apa kerugian yang besar. Kes-kes kebakaran baru-baru ini haruslah dijadikan satu pengajaran dan kesedaran kepada kita semua, kerana ini menunjukkan sistem pepadaman api dan perkhidmatannya perlu diperbaiki.

3.57 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi kepada butiran-butiran yang lain, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas pemberian peruntukan sebanyak \$450,000 untuk Pasar Baru di Sungai Petani di bawah maksud P.15, Butiran 56, muka surat 104, kerana dengan adanya bangunan pasar baru ini dapatlah peluang bagi peniaga-peniaga mencari makan.

Tuan Pengerusi, menyentuh kepada B. 15 Butiran 1100, Aktiviti (6) Kerajaan Tempatan. Saya nampak di dalam peruntukan bagi Kerajaan Tempatan hanya sebanyak \$367,500 sahaja. Pada pendapat saya, peruntukan ini amatlah kecil untuk dibahagi-bahagikan kepada Majlis-majlis Tempatan. Dengan ini peruntukan ini patutlah ditambah dan diperbesarkan kerana kewangan yang tidak mencukupi inilah maka kerja-kerja pembersihan tidak begitu memuaskan.

Tuan Pengerusi: Butiran 1100, Aktiviti (6) ini adalah berkenaan dengan kakitangan. Kalau hendak ditambah, tambah kakitanganlah dahulu.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Sebab kurangnya kakitangan kerja-kerja tidak begitu memuaskan. Kakitangan di dalam Majlis-majlis Tempatan, kekurangan buruh, kekurangan kakitangan menyebabkan kebersihan tidak dapat dijalankan dengan baik.

Tuan Pengerusi: Kalau pandai mengelak begitu betullah, boleh.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Tuan Pengerusi, sepatutnya di dalam Majlis Kerajaan Tempatan berkenaan dengan jalan-jalan ataupun lampu-lampu di jalan, begitu juga tandas, longkang-longkang patut dicuci oleh Majlis Kerajaan Tempatan, kerana penduduk-penduduk di dalam kawasan Majlis Kerajaan Tempatan semuanya membayar cukai pintu, cukai pelajaran, cukai tandas dan bila tidak puashati mereka ini tidak mahu membayar cukai-cukai, kerana mereka kata kalau service tak baik, cukai tak bayar. Bila tak dibayar cukai tadi apa yang ada di dalam rumah-rumah itu dilelong oleh pihak Kerajaan Tempatan. Saya ingat peruntukan bagi Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian ini patut diberikan lebih.

Tuan Pengerusi, menyentuh kepada P. 15 iaitu Butiran 1—Projek. Pemberian untuk Projek-projek di kawasan Bandar dan Majlis Tempatan. Jadi, saya sukalah menarik perhatian Kementerian Perumahan ini agar sebuah dewan dibagikan kepada sesebuah rancangan perumahan kerana di dalam rancangan perumahan itu ada dua Rancangan Perumahan Kerajaan Peringkat I dan Peringkat II. Tambahan pula dengan perumahan yang dibina oleh swasta iaitu Taman Aman dan berdekatan dengan itu pula ada sebuah lagi taman, Taman Intan. Jadi banyakkah penduduk-penduduk ini bila hendak adakan satu-satu mesyuarat ataupun satu-satu perbincangan tidak ada tempat. Jadi saya minta belas kesihan daripada Kementerian ini projek yang dimaksudkan itu biarlah sebuah dewan orang ramai.

Menyentuh P. 15 juga, Butiran 2—Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Tuan Pengerusi, bagi menampung kepada alat-alat pembersihan tadi untuk membeli lori sampah ataupun alat-alat mengangkut sampah begitu juga tong-tong sampah yang di jalan-jalan, maka dengan adanya bantuan khas atau grant kepada Majlis-majlis Tempatan ini dapatlah perkara-perkara ini dibeli ataupun diadakan di Majlis-majlis Tempatan ini. Jadi, bila ada benda-benda ini cukup pula dengan kakitangan maka dapatlah kerja-kerja itu memuaskan lagi.

Menyentuh kepada B. 17 Butiran 1100 berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba. Tuan Pengerusi, dari Bakar Arang sampai ke

Tikam Batu dijadikan kawasan industri, banyak kilang-kilang telah dibangunkan. Oleh itu, perkhidmatan bomba sangatlah diperlukan untuk masa kebakaran. Saya harap juga anggota-anggota bomba ini diberi latihan khas dan patut ditambah lagi memandang kepada banyaknya industri ditempatkan di situ. Selain daripada latihan yang cekap, elaun juga patut ditambah kepada anggota-anggota bomba ini, kerana di masa-masa kebakaran bukan setakat memadamkan api kadang-kadang anggota-anggota bomba ini mendapat cedera parah, kadang-kadang mereka juga hilang nyawa. Maka dengan sebab ini elaun-elaun mereka itu patutlah ditambah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Menyentuh P. 17, Butiran 1—Balai Bomba dan Bangunan. Sejak dahulu lagi sampai sekarang yang ada Balai Bomba bangunan itu jugalah, bangunan itu pun sangat lama, kedudukan bilik pun satu sahaja di dalam tiap-tiap satu keluarga, rumah itu cuma ada satu bilik sahaja selain daripada hall, dewan tempat duduk dan sebuah tempat masak. Saya rasa bangunan ini sangat lama. Kalaulah boleh pihak Kementerian ini tambah lagi bangunan ataupun Balai Bomba. Sebab saya katakan begitu, ada kakitangan Bomba ataupun anggota-anggota bomba di Sungai Petani terpaksa menyewa rumah luar. Jadi dengan adanya anggota-anggota ini duduk di luar daripada kawasan Balai Bomba itu sendiri tentulah menjadi sulit jika terjadi satu-satu kebakaran. Maka dengan ini, saya harap pihak Kementerian akan menimbangkan perkara bomba dan juga bangunannya.

Menyentuh P. 17, Butiran 2—Kereta-kereta Bomba dan Kelengkapan patut juga ditambah memandang bertambahnya rancangan perumahan di Sungei Petani, Maktab Perguruan dan juga kilang-kilang yang begitu banyak.

Saya rasa tidak banyak lagi yang saya hendak sentuh di sini, hanya saya mintalah kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menambahkan lagi anggaran-anggarnya supaya Majlis ini dapat bekerja dengan baik.

Sebelum saya akhiri butiran-butiran ini, saya suka juga memberitahu kepada Yang

Berhormat Timbalan Menteri kepada peruntukan yang baharu dibagi untuk rancangan perumahan yang saya tahu sebanyak \$1.5 juta untuk membaiki longkang-longkang, jalan-jalan di taman-taman perumahan sampai sekarang belum juga dibaiki. Jadi, daripada sejak tahun 1965 sampai sekarang tahun 1978, longkang-longkang penuh dengan sampah, kayu, batu dan telah menjadi sarang nyamuk dan telah ada kematian oleh sebab denggi di situ. Maka saya berharap peruntukan khas diberi kepada taman-taman perumahan. Kalau perumahan dibuat untuk diberi kepada penduduk-penduduk tetapi hendak menjaga longkang-longkang di situ, jalan-jalan yang berlubang dan berlokap-lopak, kalau tidak ada satu bantuan yang diberi khas oleh Kementerian ini, maka kedudukan rancangan-rancangan perumahan tadi tidaklah begitu memuaskan.

4.08 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh B. 17—Perkhidmatan Bomba, Butiran 1100 bersabit dengan gaji.

Tuan Pengerusi, Jabatan Bomba adalah bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan kebombaanan dan keselamatan yang cekap serta berkesan bagi keteguhan perlindungan dan pencegahan kebakaran serta keselamatan nyawa dan harta benda awam. Itu adalah merupakan satu tanggungjawab yang besar dan penting tetapi saya yakin dan saya percaya bahawa Perkhidmatan Bomba kita, pegawai-pegawai dan kakitangannya mampu dan boleh melaksanakan tujuan yang sebegitu berat dengan dua syarat, pertama kelengkapan mereka hendaklah cukup, dan kedua gaji mereka hendaklah sejajar dan selaras dengan tugas-tugas yang telah pun diperuntukkan bagi mereka.

Di sini suka saya menyatakan bahawa akhir-akhir ini selepas daripada Laporan Gaji Kabinet, gaji mereka sudah pun turun daripada gaji mereka sebelum daripada Gaji Laporan Kabinet. Izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk memberi satu dua contoh. Seumpamanya bagi ahli-ahli bomba yang bertugas di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya,

gaji lama mereka semuanya berjumlah \$461.50. Pecahannya adalah seperti berikut:

Gaji	\$270.00
Elaun Bantuan	30.00
Bonus	22.50
Lain-lain kemudahan (air dan api)	8.00
Elaun sewa rumah	131.00
Jumlah:	\$461.50

Tetapi setelah mendapat gaji baharu jumlahnya ialah \$420.00 sahaja, bermakna mereka sudah kekurangan \$41.50 berbanding dengan gaji mereka sebelum daripada Laporan Gaji Kabinet.

Pecahan pendapatan mereka yang baru sekarang ini adalah seperti berikut—take home pay mereka, Tuan Pengerusi.

Gaji	\$340.00
Elaun Rumah	80.00
Jumlah:	\$420.00

Dengan itu nyata sekali bahawa gaji mereka sudah turun, bukan naik hasil daripada Laporan Gaji Kabinet.

Satu lagi contoh yang saya suka hendak memberi ialah bahagian kedua iaitu ahli-ahli Bomba yang bertugas di negeri-negeri luar daripada Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Mengikut pendapatan mereka yang lama berjumlah \$401.50. Gaji baru mereka ialah \$388.00. Bermakna mereka kurang ataupun boleh digunakan istilah kerugian sebanyak \$13.50. Pecahannya adalah seperti berikut, iaitu mengikut pendapatan gaji lama:

Gaji	\$270.00
Elaun Bantuan Khas	30.00
Bonus	22.50
Elaun iaitu kemudahan air dan api	8.00
Elaun Rumah	71.00
Jumlah:	\$401.50

Pecahan pendapatan gaji baru adalah seperti berikut:

Gaji	\$340.00
Elaun (Air dan Api)	—

Elaun Rumah 48.00
Jumlah: \$388.00

Di situlah timbulnya kerugian mereka yang berjumlah \$13.50. Itu contoh sahaja. Tuan Pengerusi. Dan banyak lagi contoh-contoh yang boleh saya beri tetapi tidak payahlah saya menggunakan masa ini untuk memberi contoh-contoh yang lain, memadailah dengan dua contoh yang telah saya kemukakan tadi, Tuan Pengerusi.

Jadi soalnya keadaan itu agak kurang memuaskan. Maka hendaklah suatu perubahan diadakan supaya sekurang-kurangnya gaji mereka ini tidak kurang daripada gaji mereka sebelum daripada Laporan Gaji Kabinet. Apakah suatu criterion ataupun satu pertimbangan boleh kita gunakan, apakah sesuatu ukuran yang boleh kita ambil bagi menyesuaikan dengan keadaan gaji mereka?

Saya suka mencadangkan supaya gaji mereka ini disamakan dengan gaji warden-warder di Penjara kerana mereka ini juga merupakan pekerja-pekerja essential service iaitu pekerjaan-pekerjaan yang penting. Mereka juga perkhidmatan beruniform dan dianggap sebagai penting untuk negara. Jadi atas alasan tersebut mungkin ada sebab-sebab yang menasabah sebagai ukuran diambil scale gaji warden di Penjara dan disamakan dengan ahli-ahli Bomba ini. Ukuran itu mungkin tepat, lebih-lebih lagi sebelum daripada Laporan Gaji Kabinet, scale gaji warden-warder di Penjara adalah kurang daripada ahli-ahli Bomba. Tetapi selepas daripada Laporan Gaji Kabinet, scale gaji ahli-ahli dan pegawai-pegawai Penjara sudah lebih daripada ahli-ahli Bomba. Jadi timbulah tanda-tanya di kalangan ahli-ahli Bomba, mengapa berlaku keadaan sedemikian. Adakah khidmat mereka itu kurang penting daripada pegawai-pegawai dan warden-warder Penjara ataupun bagaimana.

Sesungguhnya pada pendapat saya di negara kita ini tidak ada jawatan yang kurang penting, semuanya penting. Tetapi memanglah diakui ada suatu kumpulan yang kita beri nama kumpulan beruniform, mereka yang dianggap penting khidmatnya (essential service) yang mana ada undang-undang yang tertentu dan khusus untuk

mereka ini dan ahli-ahli Bomba termasuk di dalam golongan dan kategori itu. Saya berpendapat dan merayu kepada pihak Kementerian untuk memikirkan perkara ini dan kalau perlu ditambah, adakan supplementary vote supaya gaji mereka berpatutan dengan tujuan yang telahpun saya nyatakan di dalam permulaan ucapan saya tadi.

Sekarang izinkan saya berpindah pula kepada perkara perumahan iaitu di muka surat 102, Maksud P. 15, Butiran 15 bersabit dengan Perumahan Awam Negeri-negeri. Banyak telah diperkatakan dan saya tidak berhajat hendak mengulang apa yang dinyatakan. Cuma saya hendak menyentuh soal wang pertaruhan. Soal berapakah harga rumah itu tidak menjadi masalah sangat. Tetapi yang menjadi kerumitan kepada mereka yang hendak membeli rumah-rumah murah ialah wang deposit, wang pertaruhan yang diminta untuk diberi. Jumlahnya kadangkala \$2,000; kadangkala lebih sedikit daripada itu, tetapi wang pertaruhan inilah yang tidak dapat disediakan oleh mereka yang berpendapatan rendah yang hendak membeli rumah-rumah ini. Dengan kerana itu saya suka membuat cadangan di dalam perkara ini, kalau boleh dipertimbangkan untuk dihapuskan sama sekali wang pertaruhan itu. Biarlah mereka ini membayar wang pembelian rumah itu secara beransuran, kalau 10 tahun—10 tahunlah; kalau 5 tahun—5 tahunlah, mengikut jangkanya. Tetapi jangan kenakan mereka ini membayar wang pertaruhan.

Bagi rumah-rumah kos tinggi ataupun pertengahan, tidak mengapalah, mungkin ada sebab-sebab yang boleh dijalankan perkara itu tetapi untuk rumah-rumah kos rendah, harga rendah, saya merayu pertimbangan Yang Berhormat Menteri Perumahan kita mempertimbangkan dengan penuh saksama supaya menghapuskan wang pertaruhan untuk mereka yang hendak membeli rumah-rumah murah, kerana mereka ini berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk hendak memberi wang pertaruhan itu.

Oleh sebab itu rumah-rumah murah sejak akhir-akhir ini sudah menjadi satu investment, suatu perniagaan, bukan lagi untuk

mereka yang berkehendakkan perumahan tetapi untuk mereka yang hendak berniaga. Mereka membeli rumah-rumah murah ini bukan kerana mereka hendakkan rumah, tetapi hendak mendapatkan pendapatan. Ada yang membeli rumah murah lebih daripada satu, kerana mereka hendak sewakan rumah itu dan melalui sewa itu, mereka dapat pendapatan. Inilah yang telah berlaku bahawa perumahan rumah murah sudah menjadi satu bidang spekulasi dan bidang perniagaan oleh setengah-setengah pihak dan apabila ini berlaku, ia sudah jauh lari daripada matlamat House Owning Democracy.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk menimbangkan perkara ini dengan serius, dengan sedalam-dalamnya supaya perkara ini tidak berlaku. Dan kalau boleh, adakan sekatan, berapa rumah seseorang itu boleh memiliki. Jangan membenarkan seumpamanya saya contohkan; jangan benarkan satu family, satu orang mempunyai lebih daripada katalah 3 rumah. Buat satu dasar, kalau boleh di dalam perkara ini bahawa seseorang tidak boleh memiliki lebih daripada 3 buah rumah, kecuali kalau semua orang sudah ada rumah, barulah perkara itu boleh dilonggarkan. Saya pintalah perkara ini ditimbangan.

Tuan Pengerusi, sungguhpun rumah yang akan dibina dengan jumlah wang yang diperuntukkan ini, mungkin rumahnya rumah murah, tetapi rumah murah tidak semestinya tidak comel, tidak semestinya tidak cantik. Rumah murah boleh cantik, boleh comel dan saya harap biarlah rumah-rumah yang akan dibina ini menunjukkan unsur-unsur perumahan negara kita. Janganlah rumah murah yang kita lihat yang dibina oleh Kementerian di bawah peruntukan-peruntukan yang telah dibuat pada tahun-tahun yang lalu, rumah-rumah itu tidak menimbulkan apa-apa unsur negara kita. Kalau kita melawat ke Perancis umpamanya, kita tengok, kita tahu—itu rumah Perancis; kita pergi ke Switzerland, kita tengok rumah itu—ini rumah Switzerland. Kita pergi ke Siam pun, kita tahu ini rumah Siam.

Kita pergi ke Filipina, kita tahu ini rumah Filipina. Kita pergi ke Indonesia ini rumah

bentuk Indonesia. Kerana ada unsur-unsur nasional dan kebudayaannya di rumah-rumah itu. Tetapi kita pergi ke Malaysia dan kita lihat rumah yang dibina oleh Kementerian kita, tidak tahu yang kita ada di Malaysia. Rumah-rumah ini langsung tidak ada unsur-unsur kenegaraan kita. Jadi saya sungguh-sungguh merayu kepada kebijaksanaan Kementerian, fikirkanlah perkara ini dan wang yang telah diperuntukkan yang sebegini banyak, berjuta-juta ringgit ini, cubalah membentuk rumah-rumah yang bila kita lihat boleh dikatakan ini rumah Malaysia. Kita tahu ada bentuk rumah Malaysia kerana ada bentuknya, cuma kita tidak mahu hendak pergi melihat dan mencubanya. Seolah-olah kita ada 'inferiority complex'. Apa yang kita ada tidak elok, tidak sesuai. Orang lain lebih baik daripada kita. Ini satu pendekatan dan satu approach yang amat mendukacitakan sekiranya ada.

Saya sungguh-sungguh berharap kepada Kementerian yang berkenaan di bawah peruntukan perumahan ini, cubalah membentuk rumah-rumah yang murah harganya tetapi comel, cantik dan menimbulkan unsur-unsur kebudayaan nasional kita di dalam perumahan supaya apabila kita lihat, terus kita tahu itu rumah Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut pengertian dan fahaman yang saya telah terima daripada Tuan Yang di-Pertua, maka peluang untuk berucap bagi Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat dan bila saya masuk tadi memandangkan saya belum dapat pandangan daripada beliau, maka saya beri peluang kepada seorang lagi, jadi empat orang, dan masa telahpun berlarutan. Sekarang saya tidak membenarkan lagi Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan-pandangan dalam perbincangan mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan seterusnya saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkaitan untuk memberi jawapan-jawapan yang tertentu.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam membahaskan aspek-aspek berkaitan dengan bidangkuasa Kementerian saya. Yang pertama sekali, saya suka menyatakan Yang Berhormat dari Sungai Petani mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang menguntukkan \$450,000 untuk pasar dan sebagainya, jadi ucapan terima kasih itu, saya kembalikan kepada Allah s.w.t. Ini adalah tugas dan tanggungjawab Kementerian saya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah bercakap juga mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Perumahan Awam Kos Rendah; di antaranya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kota Melaka, Sepang, Kepong dan lain-lain yang telah sekali lagi menyarankan supaya Kementerian saya menubuhkan satu Lembaga Perumahan bagi mengendalikan masalah perumahan khususnya bagi golongan berpendapatan rendah di seluruh negara. Saya telah beberapa kali memberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini penubuhan Lembaga sedemikian belum lagi diperlukan. Saya mengakui bahawa penubuhan suatu badan seperti itu adalah baik. Akan tetapi ianya tidak akan menyelesaikan sepenuhnya masalah kekurangan rumah khususnya bagi golongan berpendapatan rendah di negara kita. Seperti yang telah nyatakan di dalam Dewan ini semasa menggulung ucapan Dasar Belanjawan 1979 pada minggu sudah bahawa pada masa ini terdapat banyak badan-badan yang terlibat untuk melaksanakan rancangan perumahan seperti PKEN-PKEN, UDA, JKR dan sebagainya. Dan adalah lebih elok sekiranya tumpuan diberikan untuk menguatkan agensi-agensi yang telah sedia ada dan melengkapkan agensi-agensi tersebut dengan kakitangan-kakitangan yang mencukupi supaya rancangan-rancangan yang telah dibuat dapat berjalan dengan sempurna. Saya tidak nampak sebarang kelemahan Jabatan Perumahan Negara yang telah diwujudkan untuk mengendalikan pelaksanaan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah ini. Jabatan tersebut yang ditubuhkan pada akhir tahun 1976 telah mencuba sedaya upaya untuk melaksanakan rancangan-rancangannya yang telah diberi kepadanya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri

walaupun Jabatan ini masih lagi menghadapi kekurangan tenaga teknikal. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa buat masa ini kita perlu melihat dan meneliti perjalanan dan pencapaian Jabatan Perumahan Negara dahulu, dan sekiranya Lembaga Perumahan seperti yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu difikirkan perlu maka Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan tersebut. Kerajaan juga pada peringkat ini tidak boleh menghabiskan masanya dengan menubuhkan perbadanan sahaja tetapi tumpuan sepenuhnya perlu diberi kepada melaksanakan projek-projeknya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah membangkitkan dasar 'home-owning democracy'. Beliau menyatakan bahawa disebabkan rumah-rumah pangsa yang dibina hanya disewa dan tidak dijual maka matlamat dasar Kerajaan supaya semua rakyat memiliki rumah tidak akan tercapai. Dalam hal ini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Ahli Yang Berhormat berkenaan cuba berselindung di sebalik kenyataan yang sebenarnya dalam perkara ini. Telah beberapa kali saya beritahu dalam Dewan ini bahawa di bawah rancangan perumahan awam kos rendah bukan sahaja rumah pangsa yang dibina oleh Kerajaan tetapi terdapat juga rumah teres, rumah kayu dan rumah berkembar. Bagi rumah-rumah jenis ini Kerajaan menjual, bukan menyewa rumah-rumah tersebut. Dari tindakan Kerajaan ini saya menafikan pendapat Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa Kerajaan tidak memberi peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah sendiri. Lagi pun harus diingat bahawa rumah-rumah yang dibina adalah lebih banyak yang dijual daripada yang disewa, umpamanya rumah-rumah yang dibina secara usahasama Kerajaan Negeri dengan pihak swasta yang di dalam lingkungan harga \$20,000 se unit ke bawah adalah dijual kepada rakyat. Juga rumah-rumah yang dibina oleh pihak-pihak swasta dan mendapat 'end-financing' daripada MBSB adalah dijual kepada rakyat. Rumah-rumah murah yang dibina oleh pihak swasta juga dijual kepada rakyat. Dengan itu di mana kebenaran tuduhan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar tersebut? Agaknya beliau hanya melihat

keadaan di Kuala Lumpur sahaja dan beliau sengaja tidak mahu menerima hakikat yang sebenarnya bahawa negara kita terdiri daripada 13 negeri-negeri yang lain dan keadaan di sesuatu negeri itu tidak sama dengan Wilayah Persekutuan khususnya di kawasan Kuala Lumpur Bandar ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: (Kepada Dato' Haji Ramli bin Omar) Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Sebagai penjelasan, Tuan Pengerusi. Dalam ucapan saya semalam, saya melafazkan harapan saya bahawa rumah-rumah pangsa yang telah dibina oleh pihak Kerajaan dapat dijual kepada penghuni-penghuni. Saya tidak ada sebut di dalam ucapan saya bahawa Kerajaan langsung tidak ada menjual rumah-rumah kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik!

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, saya faham apakala disebutkan rumah-rumah tidak dijual, jadi istilah saya bukan sahaja rumah pangsa tetapi kesemuanya rumah-rumah itu dianggap sebagai tidak dijual.

Kiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan membaca buku Rancangan Malaysia Ketiga terutama para 1111 beliau akan mendapati bahawa pembinaan rumah-rumah murah ini bukan sahaja dibina oleh Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi beberapa agensi Persekutuan dan Lembaga Kemajuan Wilayah juga turut sama menyediakan rumah-rumah tersebut. Agensi-agensinya seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dijangka akan membina kira-kira 53,100 unit rumah murah. Di Sabah dan Sarawak juga Lembaga Kemajuan Tanah Negeri masing-masing akan membina kira-kira 5,400 unit rumah-rumah murah.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara menyatakan bahawa hanya 50% daripada 13,000 pemohon-pemohon yang mendaftar untuk mendapatkan rumah murah daripada pihak Dewan Bandaraya telah diberi kemudahan rumah. Dalam hubungan ini

ingin saya menjelaskan bahawa matlamat pembinaan rumah-rumah awam kos rendah di Wilayah Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah kira-kira 13,747 unit. Ahli Yang Berhormat berkenaan harus ingat bahawa proses pembinaan rumah adalah memakan masa dan melibatkan beberapa faktor dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Tanah adalah satu bahan yang penting untuk membina rumah dan dalam keadaan sekarang di mana tanah yang sesuai untuk membina rumah sukar didapati terutama di Wilayah Persekutuan ini, maka sudah tentulah kerjasama dari semua pihak yang berkenaan adalah diperlukan bagi menjamin supaya matlamat Kerajaan untuk menolong golongan berpendapatan rendah ini akan tercapai. Sungguhpun menghadapi beberapa kesukaran mendapatkan tanah yang sesuai bagi membina rumah, khasnya di Wilayah Persekutuan ini, tetapi pada masa ini kira-kira 6,000 unit rumah adalah di dalam peringkat pembinaan oleh pihak Dewan Bandaraya, bertambah dengan apa yang telah rumah itu disiapkan.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu supaya Kerajaan mengadakan sekim perumahan yang benar-benar murah bagi petani-petani penoreh getah dan nelayan-nelayan, ingin saya menerangkan bahawa usaha ke arah ini sedang giat dijalankan oleh Kementerian saya. Mulai tahun ini satu kajian kemungkinan rancangan 'Sites & Services and Related Low-cost Housing Programme' telah dimulakan dengan bantuan Bank Dunia dan satu pendekatan (approach) yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dilaksanakan apabila kajian ini selesai kelak. Ianya juga bertujuan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, konsep 'Sites & Services and Related Low-Cost Housing Programme' ini adalah bersesuaian dengan pendapat dan kehendak Ahli Yang Berhormat iaitu supaya rakyat sendiri melibatkan diri mereka dalam pembinaan rumah. Perkara ini sedang dikaji oleh pakar perunding pada masa ini dan insya Allah sekiranya didapati sesuai dan dapat diterima oleh Kerajaan, rancangan ini

akan dapat dilaksanakan yang mana sebahagian besar daripada faedahnya akan dinikmati oleh golongan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kementerian saya berharap mendapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan rancangan ini kelak. Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat saya ingin memberitahu sekali lagi bahawa rumah-rumah awam kos rendah adalah ditujukan kepada semua golongan berpendapatan rendah yang termasuk penoreh getah, petani-petani dan juga nelayan-nelayan. Kementerian saya telahpun meluluskan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah rancangan rumah awam kos rendah untuk membina rumah-rumah bagi nelayan-nelayan.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu supaya diadakan satu sekim pinjaman bagi membolehkan golongan petani, penoreh getah dan lain-lain membina rumah sendiri adalah dimaklumkan di sini Kementerian saya memang telah ada satu sekim pinjaman yang dinamakan 'Sekim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah'. Peruntukan Sekim ini iaitu sebanyak \$10 juta adalah dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat di bawah Sekim ini telah direncanakan empat sekim lagi yang dinamakan Sekim A, B, C dan D bagi memenuhi keperluan golongan-golongan yang telah disebut oleh Yang Berhormat dalam ucapannya semalam. Pinjaman yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah sebanyak \$5,000 bagi satu pinjaman bagi tempoh bayaran balik di antara 5 tahun hingga 15 tahun dengan dikenakan kadar faedah sebanyak 5.5%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi Sekim ini telahpun dilaksanakan di Trengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan dengan adanya sekim ini tidaklah benar tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidak langsung memikirkan dan membantu masyarakat luar bandar.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kemajuan perkampungan, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan

juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan masalah tidak mencukupi peruntukan yang diberi oleh Kerajaan bagi kemajuan di kampung-kampung baru. Saya ingin menjelaskan bahawa peruntukan bagi rancangan pembangunan bagi kampung-kampung baru bukan hanya datangnya dari Kementerian saya sahaja, tetapi Kementerian-kementerian lain juga mempunyai rancangan-rancangan tertentu bagi kemudahan-kemudahan di kampung-kampung baru itu. Kementerian Kesihatan misalnya mempunyai rancangan-rancangan untuk mengadakan Pusat Kesihatan Kecil di kampung-kampung baru, Kementerian Pelajaran mengadakan sekolah-sekolah dan sebagainya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan membandingkan peruntukan bagi kemajuan perkampungan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dengan Rancangan Malaysia Kedua maka Ahli Yang Berhormat akan dapati bahawa bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan yang diberi adalah dua kali ganda lebih banyak daripada apa yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu. Adalah dijangkakan di bawah kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga ini peruntukan tersebut akan ditambah lagi.

Tuan Pengerusi, seperti Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, pada masa ini kebanyakan kampung-kampung baru telah termasuk di dalam kawasan-kawasan Penguasa Majlis Tempatan yang disusun semula. Kementerian saya telah mengadakan peruntukan yang besar sebagai Geran-geran pelancaran dan tahunan kepada penguasa-penguasa tempatan bagi menjalankan projek pembangunan untuk faedah penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan berkenaan. Oleh itu penduduk-penduduk kampung baru juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang diadakan itu.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, usaha memperluaskan atau memodenkan kehidupan di kampung-kampung baru adalah sedang dilaksanakan secara menyeluruh dan melibatkan kajian mendalam (bagi maksud menyediakan peluang-peluang pendapatan yang bertambah) serta memperbaiki infrastruktur kampung-kampung tersebut.

Matlamat meluaskan kampung-kampung baru hendaklah tidak diertikan sebagai meluaskan secara fizikal atau kawasan semata-mata kerana dalam keadaan di mana tanah menjadi halangan untuk proses perluasan, proses tersebut hendaklah diberi sebagai mengikhtiarkan dan menambahkan pendapatan dari kawasan-kawasan lain atau dari punca-punca selain daripada tanah yang berdekatan. Punca-punca tersebut telah didapati di beberapa kampung baru (seperti Kepong) iaitu pekerjaan perindustrian dan di kampung-kampung baru yang lain melalui usaha-usaha pertanian.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan mengadakan satu 'Master Plan' bagi kampung-kampung baru ingin saya menjelaskan bahawa perkara ini adalah tidak penting oleh kerana pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan usaha 'klasifikasi kampung' untuk memperingkatkan kampung-kampung kepada tiga peringkat kemajuan iaitu peringkat maju, sederhana dan mundur. Usaha ini juga akan meliputi kampung-kampung baru baik di luar atau di dalam Penguasa Tempatan. Perkara Klasifikasi ini akan membolehkan Kerajaan menentukan kemajuan bagi tiap-tiap kampung dan ini kemudiannya boleh dijadikan asas pembahagian peruntukan secara saksama kepada kampung-kampung. Hasil atau maklumat-maklumat yang dikumpul daripada usaha-usaha ini akan disimpan dan di analisa oleh komputer dan ianya boleh digunakan oleh semua Kementerian atau agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah bercakap mengenai tugas-tugas Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa, di antaranya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Kota Melaka telah membangkitkan masalah beberapa syarikat yang tidak berlesen yang telah mengutip wang daripada bakal pembeli-pembeli rumah. Di sini saya menyatakan dengan ikhlasnya bahawa syarikat-syarikat ini telah menerbitkan iklan-iklan beberapa kali di akhbar-akhbar yang menyatakan bahawa orang ramai dipelawa untuk mendaftar membeli rumah. Aduan-aduan telah diterima daripada orang ramai menyatakan bahawa mereka telah membuat

pendaftaran untuk membeli rumah daripada syarikat tersebut. Perkara yang menjadi kemusykilan mereka ialah:

- (1) mereka hanya mendaftar untuk mendapatkan rumah;
- (2) wang yang dibayar sebanyak \$600 tetapi resit yang dikeluarkan berharga \$60; dan
- (3) pada resit tersebut tidak dinyatakan apa-apa seperti wang tempahan atau deposit, hanya dicatitkan service charge.

Siasatan juga telah dibuat terhadap syarikat ini dan didapati bahawa Syarikat Y.R. Development Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat yang mendaftar dengan Pendaftaran Syarikat dan telahpun memohon lesen pemaju tetapi tidak dapat mengemukakan butir-butir lanjut yang dikehendaki, oleh yang demikian lesen tidak dapat dikeluarkan kepada syarikat ini. Buat sementara, syarikat ini mengatakan akan membina rumah kemajuan perumahan di Batu 9, Jalan Cheras dengan nama "Taman Yunita". Pertanyaan ini adalah dibuat kepada Syarikat Mutiara Biru, jawapan yang diberi menunjukkan bahawa mereka adalah ejen kepada syarikat pemaju yang lain, iaitu Syarikat Sri Alam Sendirian Berhad. Syarikat ini hanya mengenakan \$10 bagi bayaran perkhidmatan sahaja dan syarikat ini juga pada satu ketika dahulu dikatakan ialah syarikat ini untuk menjual tanah. Jadi kalau syarikat ini menjual tanah adalah di luar bidang kuasa daripada Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, perkara yang menjadi masalah ialah resit-resit yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut tidak menyatakan ianya sebagai deposit atau wang tempahan, hanya dicatit bayaran perkhidmatan sahaja. Syarikat ini juga tidak dapat dikatakan bahawa syarikat pemaju perumahan oleh kerana mengikut takrif "housing development" bererti "business of development" dan "develop" itu sendiri bererti "to construct or cause to be constructed". Jadi dalam konteks ini syarikat-syarikat di atas itu menjalankan apa-apa kemajuan perumahan dan oleh itulah syarikat ini bukan sebuah syarikat pemaju perumahan dalam konteks Akta dan Kaedah-kaedah kita. Tetapi walau bagaimanapun, kalau ada Ahli Yang Berhormat faham iaitu kalau ada sekarang ini syarikat-syarikat selain daripada pemaju perumahan ditubuhkan juga syarikat-syarikat pendaftaran, syarikat

perniagaan dan syarikat perniagaan ini kalau Ahli Yang Berhormat itu laporkan kepada Polis, Bahagian Commercial Crimes kalau ada mereka ini menjalankan perniagaan yang menyeleweng.

Kes-kes itu kebanyakan beberapa kelemahan dalam undang-undang yang ada sekarang. Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk memperketatkan lagi undang-undang supaya aktiviti-aktiviti seperti ini dapat dikawal. Sementara itu pembeli-pembeli yang berkenaan telah dinasihat untuk membuat laporan kepada Polis supaya kepinganan mereka tidak terjejas.

Sebenarnya Ahli Yang Berhormat telah diberitahu tentang kedudukan yang sebenarnya dan juga Kementerian saya sendiri memberi makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan kepada orang-orang yang suka hendak membeli rumah yang mana telah digesa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dalam Dewan yang mulia ini iaitu pemaju perumahan palsu. Sebelum kita hendak membeli rumah maka Kementerian saya telah mengedarkan buku-buku panduan membeli rumah dan memberi publisiti dengan luasnya di dalam buku itu dan boleh semak dalam buku itu, yang pertama sekali mesti tanya lesen. Kalau kita tanya lesen, dia tidak boleh beri nombor lesen; yang kedua mesti tanya permit iklan (advertisement permit). Kalau dia tak beri nombor permit iklan maka orang ramai janganlah membayar walau sebarang wang apa sekalipun kepada syarikat itu, itulah dinamakan prestasi. Orang ramai ini setengahnya tidak peduli dengan sebab berkehendakkan rumah itu lekas dia percaya keluar iklan dalam akhbar yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini semalam maka mereka ini terburu-buru membeli tanpa untuk siasat lebih mendalam lagi.

Tuan Pengerusi, suka saya menerangkan lagi berkenaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah kelewatan mendapatkan surat hakmilik yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah, khasnya pembeli-pembeli di Taman Rainbow di Kuala Lumpur. Aduan ini telah disiasat dan beberapa perundingan telahpun

diadakan dengan pemaju dan pembeli-pembeli. Dalam kes ini kelewatan keluaran surat hakmilik berasingan adalah sebab adanya pertikaian di antara pemaju dan Pejabat Tanah yang berkenaan mengenai jenis surat hakmilik tersebut. Bagaimana pun masalah ini hampir selesai dan saya harap surat-surat hakmilik berasingan dapat dikeluarkan tidak lama lagi.

Berhubung dengan seruan Ahli Yang Berhormat Kepong untuk memperlengkapkan kakitangan yang cukup dan berkebolehan di Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat, maka ingin saya maklumkan bahawa Bahagian ini sekarang mempunyai kakitangan yang lengkap bagi keperluan-keperluan semasa. Walau bagaimanapun, Bahagian ini akan menambahkan kakitangannya bagi menghadapi keperluan-keperluan tersebut.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat, seperti dari Kuala Lumpur Bandar, Kangar dan Damansara telah juga bercakap mengenai perkhidmatan Bomba, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap hari ini iaitu dari Setapak, Sepang dan lain-lain berkaitan dengan laporan kebakaran Campbell Shopping Complex akan diumumkan setelah kajiannya selesai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai mengadakan Helipad bagi kegunaan semasa kebakaran telah sedia ada termaktub di dalam Akta Pencegahan kebakaran di atas keperluan seperti Sprinkler, Automatic Alarm, Wet and Dry Riser dan juga Helipad yang dilaksanakan sekarang ini. Dari segi alatan-alatan kebombaian sememangnya menjadi hasrat Kementerian bagi membaiki segala-gala keperluan dan telah dimaklumkan peruntukan \$20 juta bagi alatan-alatan dan \$10 juta bagi Balai dan rumah kakitangan telah juga diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan segala-galanya ini sedang berjalan ke arah matlamatnya dengan baik. Seruan untuk mengadakan satu Balai Bomba di kampung Sri Kembangan telahpun dirancangan dan menunggu masa untuk perlaksanaannya.

Mengenai seruan Ahli Yang Berhormat dari Kangar untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja kilang menggunakan alatan-

alatan kebombaian, Jabatan Bomba sentiasa mengumumkan kepada pihak-pihak swasta yang Pusat Latihan Bomba dan memberi latihan asas kebombaian dan ini telah mendapat sambutan yang baik. Seruan Ahli Yang Berhormat dari Damansara pula mengenai latihan kepada Ahli-ahli Bomba, memanglah Ahli-ahli Bomba sentiasa diberi latihan di atas kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Walau bagaimanapun jika berlakunya satu-satu kesilapan ini adalah di luar dugaan.

Adalah tidak betul tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang menyatakan siasatan tidak dilakukan selepas berlakunya satu-satu kebakaran. Ahli Yang Berhormat berkenaan bolehlah berhubung dengan Jabatan Bomba untuk mendapatkan laporannya selepas berlakunya kebakaran.

Tuan Pengerusi, mengenai seruan meminta Kementerian meneliti rayuan pekerja-pekerja Bomba ingin dimaklumkan bahawa Kementerian saya sedang berusaha untuk mengatasi segala pertikaian ahli Bomba.

Menyentuh mengenai seruan Ahli Yang Berhormat dari Kangar untuk menambahkan elaun-elaun kepada ahli-ahli Pasukan Pertahanan Awam serta Latihan yang cukup dan pakaian seragam yang sempurna Kementerian saya sedar bahawa elaun-elaun latihan yang diberi kepada ahli-ahli Pasukan Pertahanan Awam belum pernah dinaikkan. Walau bagaimanapun kadar elaun latihan itu sedang ditimbangkan oleh Kerajaan. Berhubung dengan pakaian seragam, 2 pasang adalah diberi kepada tiap-tiap ahli dan pemberian adalah dianggap mencukupi untuk keperluan latihan yang dijalankan 4 kali sebulan.

Mengenai seruan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga untuk menguntukkan subsidi-subsidi yang cukup kepada Majlis-majlis Daerah bagi projek-projek yang berfaedah bagi rakyat tempatan, maka dimaklumkan di bawah proses penyusunan semula, Majlis-majlis daerah diperuntukkan dengan Geran-geran Pelancaran dan Tahunan bukan sahaja untuk melaksanakan projek-projek yang berfaedah tetapi juga untuk mengadakan alat-alat bagi memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk di dalam penguasa

tempatan. Selain daripada itu Majlis-majlis Daerah juga diluluskan dengan projek-projek sosio-ekonomi di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Pendek kata, Kerajaan Persekutuan telah memberi bantuan-bantuan yang berpatutan kepada Majlis-majlis Daerah yang disusun semula untuk memberi kemudahan-kemudahan yang berfaedah kepada penduduk-penduduk tempatan. Seterusnya diingatkan bahawa Majlis-majlis Daerah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh itu adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri juga akan sama-sama memberikan peruntukan kepada Majlis-majlis Daerah untuk tujuan-tujuan yang sama.

Tuan Pengerusi, sehingga hari ini sebanyak 22 buah Majlis Daerah dan Perbandaran telah dibentuk di bawah proses penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan. Geran Pelancaran berjumlah \$11,938,204.36 dan Geran Tahunan berjumlah \$2,309,667.62 telah diberikan kepada Majlis-majlis tersebut. Baki-baki peruntukan di bawah Geran Pelancaran akan diberikan kepada Majlis-majlis tersebut pada tahun 1979 mengikut jumlah peruntukan yang hak diperolehi oleh mereka masing-masing. Di samping itu sebanyak \$14,993,000 telah diluluskan kepada penguasa-penguasa Tempatan untuk melaksanakan projek-projek Pasar dan Gerai di dalam tempoh tahun 1979-1980.

Tuan Pengerusi, dengan adanya peruntukan-peruntukan ini penguasa-penguasa tempatan akan memperolehi projek-projek yang berfaedah bagi penduduk-penduduk Penguasa Tempatan dan akan terus berusaha untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

Menyentuh saranan Ahli Yang Berhormat dari Damansara untuk Kerajaan mengikuti Perakuan Laporan Athi Nahappan (our late Athi Nahappan) supaya diadakan pilihanraya di peringkat Penguasa-penguasa Tempatan elok saya jelaskan di sini iaitu Pilihanraya Kerajaan Tempatan telah digantung berikutan dengan pengisytiharan darurat yang telah dibuat akibat konfrantasi dalam tahun 1963. Pada masa itu pun sudah terdapat bukti-bukti yang banyak mengenai Penguasa-penguasa Tempatan mengalami amalan yang tidak jujur dan pentadbiran

yang lemah. Suruhanjaya Lee Hun Hoe dan Suruhanjaya Aziz yang dilantik dalam tahun 1965 dan 1966 untuk menyelidiki pentadbiran Majlis Bandaran Seremban dan Bandaraya Pulau Pinang mendedahkan bukti-bukti yang nyata mengenai kelemahan pentadbiran dan amalan-amalan yang curang dijalankan oleh Ahli majlis-ahli majlis kedua-dua Penguasa Tempatan tersebut.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, mengikut Perlembagaan, Kerajaan Tempatan di Malaysia adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Masalah Pilihanraya Kerajaan Tempatan telahpun dibincangkan di dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan telah diputuskan bahawa memandangkan kepada kelemahan prestasi ahli-ahli yang dipilih dalam masa-masa yang lampau, adalah tidak sesuai di segi kepentingan awam untuk mengadakan semula pilihanraya Kerajaan Tempatan pada masa ini. Walau bagaimanapun saya suka menegaskan di sini bahawa ini tidaklah bermakna yang amalan demokrasi di peringkat bawah telah terhapus. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mengamalkan sistem Kerajaan berpersekutuan di mana Pilihanraya diadakan di kedua-dua peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri. Sungguhpun ahli Majlis-majlis Penguasa Tempatan sekarang ini dilantik, mereka adalah dilantik oleh Penguasa Negeri yang mana ianya mengandungi ahli-ahli yang dipilih.

Tuan Pengerusi, suka saya menjawab lagi saranan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga yang berucap dengan panjang lebar tentang tugas-tugas yang harus dijalankan oleh Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan kelemahan-kelemahan yang ada sekarang. Saya suka menerangkan bahawa dalam bulan-bulan yang lalu ini beban kerja bahagian ini telah bertambah. Ini ialah sebab aduan-aduan yang diterima daripada pembeli-pembeli rumah dan juga pertanyaan-pertanyaan mengenai Urusniaga Perumahan yang memerlukan siasatan yang mendalam dan meningkat dan berlipat ganda. Memandangkan kepada keadaan yang luar biasa ini Kementerian saya akan mengkaji semula keperluan jawatan, anggota dan organisasi bahagian ini sebab tugas-tugas

pengawasan dan penguatkuasaan dapat diperluaskan lagi dan boleh berjalan dengan lebih berkesan. Aduan-aduan dan pertanyaan-pertanyaan yang diterima sekarang adalah terlalu banyak. Ini adalah perkembangan yang baik yang membayangkan bahawa kebanyakan pembeli-pembeli adalah sedar tentang hak-hak mereka dan peranan Kementerian saya dalam menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Di samping itu tindakan sedang diambil untuk memperketatkan lagi undang-undang dan kaedah-kaedah mengenai kawalan dan pelesenan ke atas pemaju-pemaju perumahan. Pindaan-pindaan akan dibuat untuk mengadakan Standard Purchase Agreement untuk mengawal kutipan wang tempahan ataupun apa-apa kutipan yang ada hubungannya dengan Urusniaga Perumahan, tempoh wang tempahan boleh disimpan dan pindaan-pindaan mengenai pengiklanan dan sebagainya.

Apabila aktiviti-aktiviti dan anggota pengawasan dan penguatkuasaan diperkuatkan lagi dan undang-undang diperketatkan seperti yang saya sebutkan tadi saya harap kawalan ke atas Urusniaga Perumahan dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, suka saya menjelaskan berkenaan dengan kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu menyentuh tentang cara pembahagian rumah awam kos rendah. Ingin saya nyatakan bahawa jenis panduan kebangsaan telahpun disediakan oleh Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun diberikan panduan tersebut. Sebagai garis panduan yang telah disediakan itu adalah membayangkan hasrat Kerajaan dan dasar Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan di kalangan golongan berpendapatan rendah. Kementerian saya dari masa ke semasa sentiasa mengkaji garis panduan yang telah disediakan itu untuk menyelidiki dan untuk dikaji dengan keadaan dari masa ke semasa bagi faedah rakyat keseluruhannya.

Yang kedua, Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyentuh mengenai dengan masalah dasar "home owning democracy" tidak akan dicapai kerana rumah

pangsa disewa, tidak dijual, beliau mengesyorkan supaya Kerajaan menerima apa yang dibuat oleh Kerajaan Singapura dahulu.

Hal ini, Tuan Pengerusi, suka saya menegaskan di atas saranan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kerajaan meniru apa yang dibuat oleh Kerajaan Singapura dalam hal penjualan rumah pangsa ini tidak dapat diterima sama sekali. Keadaan di Singapura adalah berlainan dengan keadaan di Malaysia ini. Dan dengan demikian, tidaklah semestinya apa yang baik di Singapura itu baik pula di negara kita atau di Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang menghuraikan berkenaan dengan gaji kakitangan Bomba. Jawatankuasa Kabinet sekarang ini sedang menerima rayuan daripada pihak Persatuan Bomba dan Ahli-ahli Bomba pun biasa berjumpa dengan saya dan mengadakan beberapa kali mesyuarat dan perundingan sedang berjalan di atas masalah itu. Kalau kita kira perkara ini dalam mahkamah, dijadikan sebagai *sub judice*, jadi saya tidak dapat menghuraikan lebih lanjut lagi kepada Ahli Yang Berhormat itu dalam masalah ini dan walau macam manapun.....

Tuan Haji Suhalmi bin Datuk Haji Kamaruddin: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenan menyokong cadangan saya supaya gaji ahli-ahli Bomba itu dinaikkan supaya mereka tidak rugi sepertimana yang saya telah terangkan. Adakah cadangan saya disokong oleh Kementerian?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, saya menyokong berdasarkan keputusan Jawatankuasa Kabinet.

Kedua, wang pertaruhan \$250,000. Perkara ini mengikut Akta Pemaju Perumahan dan Mengawal Lesen telah diluluskan oleh Parlimen dan jika perkara ini penting, kita akan rundingkan dengan Peguam Negara, bagi pihak undang-undang memerhatikan, sebab perkara itu diluluskan oleh Parlimen, dijadikan kuatkuasa undang-

undang. Walau bagaimanapun dalam Akta Pelesenan dan Pemaju Perumahan. kuasa-kuasa daripada Menteri dalam seksyen 6 (2) boleh memberi kelonggaran sebagaimana disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan mengenai cadangan ini supaya wang pertaruhan itu dibuat dan sebagaimana saya telah katakan tadi, sebagai menambah, bahawa masalah wang pertaruhan bagi membeli rumah awam kos rendah yang dikendalikan melalui peruntukan daripada Kementerian saya adalah tidak timbul. Ini ialah kerana pembelian yang berjaya adalah dipilih oleh Kerajaan Negeri dan ianya tidak diperlukan membayar wang pertaruhan, kerana harga yang dikehendaki membayar ansuran bulan itu ialah 17% setinggi-tingginya daripada pendapatan bulanan mereka itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong semalam menyeru supaya Perancang Bandar dan Desa dapat menyediakan perancangan di kawasan setinggan supaya kawasan itu dapat dibangunkan. Berkaitan dengan ini beliau mencadangkan supaya satu pilot project dapat diadakan dan juga mencadangkan supaya Jabatan ini dibesarkan untuk menjalankan perkara ini. Bagi menjelaskannya, pada masa ini Kementerian saya telah menubuhkan satu unit "Site and Services", sebagaimana yang telah saya katakan tadi, untuk membuat kajian bagi seluruh negara dengan tujuan mengatasi kesulitan perumahan termasuk setinggan-setinggan yang banyak terdapat di bandar-bandar kecil dan besar. Kajian ini sedang berjalan dan satu pakar perunding swasta telah dilantik. Adalah diharap dari hasil kajian ini, beberapa perakuan akan dibuat bagi melicinkan dan memperbaiki kedudukan perkara ini.

Adalah juga dimaklumkan bahawa perancangan bagi kawasan-kawasan setinggan adalah di bawah bidang kuasa Penguasa Tempatan dengan menyediakan

pelan-pelan dibantu oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa di peringkat Negeri dan di peringkat Persekutuan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani menegur peruntukan wang di bawah projek-projek kecil untuk Majlis Tempatan adalah sangat kecil dan patut ditambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk bantuan bagi projek-projek kecil untuk Majlis Tempatan adalah hanya satu aktiviti sahaja di samping peruntukan ini. Kementerian saya juga ada memberi bantuan lain di bawah pecahan-kepala lain seperti Bantuan Khas kepada Penguasa Tempatan dan dengan ini saya fikir peruntukan untuk projek-projek kecil adalah mencukupi bagi Penguasa Tempatan dalam tahun 1979.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai perkhidmatan Penguasa Tempatan juga belum memuaskan walaupun bantuan khas diberi. Beliau cadangkan supaya pilihanraya diadakan. Tadi saya telah jelaskan untuk Kerajaan Tempatan, saya sedar bahawa perkhidmatan yang dijalankan oleh Penguasa Tempatan pada masa ini belum memuaskan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk memperbaiki sistem Kerajaan Tempatan melalui dasar penyusunan semula semua Penguasa-penguasa Tempatan. Kementerian saya juga memberi bantuan kewangan kepada Penguasa Tempatan yang telah disusun semula dalam bentuk grant pelancaran dan juga grant tahunan. Bantuan kewangan ini akan membolehkan Penguasa Tempatan membeli alat-alat perkakas supaya memberi perkhidmatan yang lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perlantikan ahli-ahli Majlis Penguasa Tempatan, ada peruntukan dalam Akta ini menyebut bahawa ahli-ahli majlis patut dilantik daripada orang professional dan orang yang cekap dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Semua Ahli-ahli Majlis Penguasa Tempatan adalah dilantik oleh pihak berkuasa negeri berpandu kepada peruntukan yang ada di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat dan bercakap mengenai Kementerian saya, rasanya ada perkara yang tak dapat saya huraikan dalam Majlis ini. Walau macam manapun kepada sokongan yang diberi dan di atas pandangan yang jujur dan ikhlas itu, saya sanjung tinggi dan diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan ambil catitan atas syor-syor dan cadangan-cadangan itu bagi tindakan di masa yang akan datang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,564,700 untuk Maksud B. 15, \$2,081,000 untuk Maksud B. 16, \$25,599,000 untuk Maksud B. 17, \$2,080,000 untuk Maksud B. 18, \$2,700,000 untuk Maksud B. 19, \$19,049,000 untuk Maksud B. 20 dan \$1,311,200 untuk Maksud B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$138,917,008 untuk Maksud P. 15, \$7,858,440 untuk Maksud P. 17, \$2,438,126 untuk Maksud P. 18, \$556,000 untuk Maksud P. 19 dan \$675,171 untuk Maksud P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Maksud B. 22 (Jadual)—

Maksud P. 22 (Anggaran (Pembangunan, 1979))—

5.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa peruntukan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Maksud B. 22 untuk belanja mengurus sebanyak \$4,741,900 dan di bawah Maksud P. 22 untuk pembangunan sebanyak \$123,449,030 yang kesemuanya berjumlah sebanyak \$128,190,930 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada 28hb Julai, 1978 dengan bertujuan untuk merancang dan menentukan dasar dan matlamat pembangunan Wilayah Persekutuan dari segi ekonomi, sosial dan kebudayaan sesuai dengan dasar dan

matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara. Antara tujuan-tujuan penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan itu ialah:

- (a) Melaksana dan menentukan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, terutama sekali Dasar Ekonomi Baru dengan tegas dan berkesannya di Wilayah Persekutuan;
- (b) Menggubalkan dasar-dasar, menentukan pedoman dan matlamat serta menetapkan keutamaan-keutamaan di dalam pembangunan dan pentadbiran Wilayah Persekutuan; dan
- (c) Menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti agensi-agensi Kerajaan dan swasta, mengikut kemajuan aktiviti-aktiviti tersebut dan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Untuk menjalankan tujuan ini Kementerian memerlukan \$4,741,900 untuk belanja mengurus dan \$123,449,030 untuk belanja pembangunan. Peruntukan pembangunan sebanyak \$123,449,030 itu adalah untuk menjalankan beberapa projek di kawasan Bandaraya untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian saya.

Projek utama ialah projek perumahan yang akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya supaya dapat menyelesaikan masalah setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan dan juga permohonan-permohonan dari orang ramai. Bagi projek perumahan awam peruntukan sebanyak \$103,100,000 sebagai wang pinjaman telah diluluskan kepada Bandaraya untuk membina 13,747 yunit rumah pangsa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam hubungan ini banyak lagi rancangan-rancangan rumah pangsa dan rumah murah akan dilaksanakan dalam Wilayah Persekutuan dalam usaha men-cukupi rumah murah untuk orang ramai.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat perumahan adalah satu masalah yang dihadapi oleh Kementerian saya. Setakat ini jumlah setinggan mengikut banci 1978 adalah berjumlah seramai 221,181 orang yang menduduki dalam 106 buah kampung setinggan.

Mengikut banci tahun ini terdapat 31,495 buah rumah setinggan. Adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk mendirikan seberapa banyak rumah pangsa untuk menempatkan setinggan-setinggan terutama sekali setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian saya akan memberi perhatian yang lebih kepada soal perumahan dalam Wilayah Persekutuan. Setakat ini Dewan Bandaraya telah menyiapkan sebanyak 3,303 unit perumahan jenis pangsa, 6,388 adalah dalam peringkat pembinaan, 2,011 dalam persiapan tapak-tapak bangunan, 5,058 adalah dalam peringkat pemindahan setinggan daripada tapak-tapak perumahan dan 2,264 adalah dalam peringkat perancangan. Jumlah besar semuanya adalah sebanyak 19,424 unit. Kementerian saya telah mendapat kelulusan pada dasarnya sebanyak 300 juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk mengadakan rumah murah di Wilayah Persekutuan untuk mendirikan lebih kurang 30,000 unit lagi.

Dalam penempatan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan sahaja pada tahun ini Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$15,730,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kepada Dewan Bandaraya untuk membina rumah panjang sebagai rumah sementara dan peruntukan tersebut adalah diperlukan bagi membiayai maksud pengawalan setinggan ini pada tahun depan. Setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan akan dipindahkan apabila terdapat Rancangan rumah Pangsa yang telah siap.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi tujuan Kementerian saya untuk memberi mutu kehidupan (Quality of Life) kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan dan dalam hubungan ini Kuala Lumpur memerlukan sistem penyaluran najis atau pembetulan yang baik untuk menjaga kesihatan awam. Bagi tujuan ini Pelan Induk Pembetulan Kuala Lumpur telahpun disediakan dan peringkat satu sedang dilaksanakan. Peringkat satu ini bila siap dalam tahun 1980/81 akan menambahkan bilangan penduduk mendapat perkhidmatan pembetulan ini dari 208,000 kepada

400,000 orang. Projek ini akan dibiayai dari pinjaman Bank Dunia.

Tuan Pengerusi, dengan bertambahnya kawasan Bandaraya Kuala Lumpur dari 36 batu persegi kepada 94 batu persegi maka beban Bandaraya telah bertambah. Satu daripadanya adalah Balai Bomba terutamanya di kawasan-kawasan yang belum lagi menerima faedahnya. Peruntukan sebanyak \$3,750,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah diluluskan untuk membina 5 buah lagi Balai Bomba dan membeli kereta bomba. Walaupun perkhidmatan bomba Kuala Lumpur telahpun diambil alih oleh Jabatan Bomba Persekutuan, Dewan Bandaraya telah meneruskan pembinaan 5 buah balai bomba berkenaan iaitu di Jinjang, Sungai Besi, Setapak, Kampong Datuk Keramat dan di Kampong Konggo. Balai Bomba Jinjang telahpun siap dan digunakan pada tahun ini manakala di Sungai Besi dijangka siap pada akhir tahun ini. Tindakan sedang diambil untuk memanggil tender bagi Balai Bomba Setapak dan Balai Bomba Kampong Konggo. Pembinaan Balai Bomba Kampong Datuk Keramat tergendala sedikit kerana masalah pengambilan tanah. Anggaran yang dikaji semula bagi 5 buah balai bomba itu dan pembelian kereta bomba ialah \$6,600,000 dan peruntukan tambahan telah dimasukkan dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga. Untuk tahun 1979 sejumlah \$1,100,000 adalah diperlukan.

Tuan Pengerusi, di bawah rancangan mengadakan paip umum (stand pipe) dan jamban curah di Wilayah Persekutuan, Kementerian saya dari segi peri kemanusiaan dan untuk menjaga kesihatan awam Kerajaan perlu mengadakan kemudahan asas kepada setinggan-setinggan seperti yang tersebut di atas. Rancangan paip umum dengan jamban curah di Wilayah Persekutuan ini mendapat peruntukan sebanyak \$932,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dewan Bandaraya telahpun siap menjalankan survey dan akan menentukan kampung-kampung yang patut mendapat kemudahan-kemudahan tersebut dan dengan bantuan \$932,000 itu maka lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan tersebut dapat diadakan.

Satu lagi projek yang penting sekali di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan

ialah pemberian bantuan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membuat jalanraya di mana peruntukan sebanyak \$5,740,000 telah diuntukkan dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan ini tidaklah termasuk peruntukan bagi projek Pengangkutan Bandar Kedua Kuala Lumpur (Second Kuala Lumpur Urban Transport Project) yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan Dewan Bandaraya yang mana peruntutannya adalah di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam. Bantuan sebanyak 5 juta ringgit ini agak kecil dan permohonan untuk tambahan telah dibuat di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga kerana lebih banyak lagi jalan perlu dibaiki atau dibina untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sekarang ini terdapat pejabat-pejabat Dewan Bandaraya di meratarata tempat dan ini menimbulkan kesulitan untuk perhubungan segera di antara pejabat-pejabat dan juga masalah penyelarasan. Ruang-ruang pejabat pula tidak mencukupi untuk kakitangan yang sekian bertambah dan penubuhan beberapa bahagian baru untuk mentadbirkan kawasan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah bertambah dari 36 batu persegi kepada 94 batu persegi. Sebuah bangunan pejabat baru setinggi 30 tingkat sedang didirikan di Jalan Raja Laut untuk menempatkan kebanyakan daripada pejabat-pejabat Dewan Bandaraya. Bangunan ini dijangka siap pada bulan Mac 1980 dan menelan belanja kira-kira \$36,000,000. Pinjaman tambahan sebanyak \$8,481,000 telah dipohon di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga untuk menjadikan jumlah pinjaman sebanyak \$29,000,000.

Tuan Pengerusi, dengan penubuhan Wilayan Persekutuan Dewan Bandaraya perlu menambahkan bilangan kenderaan dan jentera untuk memberikan perkhidmatan kepada kawasan yang lebih luas. Depoh dan Bengkel sekarang ini di Jalan Cheras adalah kecil dan perlu diperluaskan. Projek perluasan Depoh dan Bengkel ini mengandungi pembinaan satu blok pejabat (4 tingkat), meratakan tapak dan membina garaj-garaj untuk menyimpan kenderaan dan jentera,

membina jalan masuk dan meluaskan bangunan bengkel. Setakat ini bangunan pejabat telah siap dan kerja-kerja lain sedang dilaksanakan. Untuk tahun 1979 sebanyak \$2,500,000 adalah diperlukan Kawasan Bandaraya Kuala Lumpur telah bertambah yang menyebabkan jarak kawasan baru agak jauh. Perbelanjaan untuk kenderaan-kenderaan yang menjalankan kerja-kerja di kawasan-kawasan baru itu tidak ekonomik dan juga kenderaan-kenderaan lambat sampai oleh kerana kesesakan lalulintas. Pada asalnya peruntukan \$2,000,000 itu ialah bagi membina 2 buah Cawangan Depoh iaitu sebuah di Utara (di Jinjang) dan sebuah di Selatan (di Jalan Kelang Lama). Sekarang diputuskan bahawa Cawangan Depoh di Selatan akan disatukan dengan Depoh dan Bengkel pusat di Jalan Cheras kerana tapak di Jalan Kelang Lama dan Jalan Cheras tidak begitu jauh. Cawangan Depoh di Utara dan didirikan di Pusat-pusat Sentul yang dirancang kerana Sentul lebih "central" daripada Jinjang.

Kawasan Bandaraya Kuala Lumpur bertambah dari 36 batu persegi kepada 94 batu persegi dan oleh itu beberapa buah Pejabat Cawangan adalah perlu untuk memberi kemudahan kepada orang ramai. Tiga buah Pejabat Cawangan telah dan akan dibina iaitu di Jinjang, di Kampong Konggo (Jalan Cheras) dan di Pusat Bandar Sentul yang dirancang. Pejabat Cawangan di Jinjang telah siap iaitu membesarkan bekas pejabat Majlis Tempatan Jinjang. Pejabat Cawangan di Jinjang menjalankan tugas-tugasnya sejak dua tahun yang lepas. Pejabat Cawangan di Kampung Konggo dijangka siap pada akhir tahun 1979. Pejabat Cawangan di Sentul ditangguhkan kerana hendak dirancang bersama dengan Pusat Bandar Sentul. Sejumlah wang \$300,000 adalah diperlukan untuk tahun 1979.

Tuan Pengerusi, pada masa ini Kuala Lumpur hanya mempunyai sebuah pasar borong, iaitu di Jalan Tun Ismail dan ini adalah tidak mencukupi. Pada mulanya dicadangkan untuk membina dua buah pasar borong baru iaitu, sebuah bagi hasil-hasil jualan dari selatan dan sebuah lagi bagi hasil-hasil jualan dari utara. Tetapi memandangkan kekurangan hasil-hasil jualan dari selatan dan tapak yang

dicadangkan tidak sesuai, maka diputuskan untuk membina sebuah pasar borong sahaja di utara Kuala Lumpur. Kerja-kerja tapak sedang dijalankan dan pelan konsep bagi keseluruhan projek itu sedang disediakan. Sejumlah \$1,500,000 adalah diperlukan untuk tahun 1979.

Tuan Pengerusi, Kerajaan akan membina sebuah Pusara Negara untuk kebumian pahlawan-pahlawan negara. Projek ini terletak di kawasan tanah seluas 300 ekar di Estet Kiara Kuala Lumpur dan akan dibina oleh Dewan Bandaraya. Ianya mengandungi kerja-kerja penyediaan tapak, pembinaan jalan masuk, pembinaan tempat letak kereta, kerja-kerja pengindahan dan pembinaan bangunan-bangunan. Kerja-kerja penyediaan tapak dan pembinaan jalan masuk sedang dilaksanakan. Tindakan sedang diambil untuk menyediakan lukisan reka-bentuk bangunan-bangunan dan pengindahan. Anggaran baru bagi projek Pusara Negara ini ialah \$3,000,000 dan permohonan peruntukan tambahan telahpun dibuat dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga. Untuk tahun 1979 peruntukan sebanyak \$200,000 adalah diperlukan.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga mengambil berat tentang Ugama Islam di Wilayah Persekutuan. Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab bagi segala urusan hal ehwal ugama Islam di Wilayah Persekutuan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh Majlis Ugama Islam tersebut adalah terbahagi kepada pentadbiran am, mahkamah syariah, pendaftaran perkahwinan dan perceraian, penguatkuasa, pentadbiran masjid negeri, pengurusan masjid dan surau-sarau, kebajikan dan saudara baru, pelajaran dan penerangan serta dakwah. Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan memerlukan peruntukan mengurus di bawah Kepala B 22 (dahulunya Kepala B 8 sebanyak \$2,530,500 yang mana adalah terdiri daripada \$963,500 bagi pembayaran gaji, elaun dan tambahan kos kakitangan seramai 191 orang. Majlis memerlukan peruntukan sebanyak \$210,000 bagi pembelian harta modal dan kemudahan, iaitu \$62,000 bagi membaiki 5 buah sekolah Ugama Kerajaan, Bangunan

Pejabat dan Masjid Negara dan \$148,000 bagi membeli 2 buah van, buku-buku perpustakaan Masjid Negara dan mahkamah, buku rujukan pejabat dan kelengkapan-kelengkapan pejabat bagi kakitangan baru dan yang sedia ada. Sebanyak \$838,000 diperlukan untuk memberi sumbangan subsidi bagi penyelenggaraan 25 buah masjid, 101 buah surau, 24 buah kelas Mukaddam, 18 buah sekolah Rakyat, 6 buah kelas tadika dan juga bagi bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa yang ditimpa malapetaka dan juga pelajar-pelajar miskin.

Tuan Pengerusi, untuk belanja mengurus Kementerian Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat) iaitu pentadbiran am memerlukan \$1,096,400 yang mana peruntukan tersebut adalah untuk pentadbiran am berjumlah \$751,658; \$168,474 adalah untuk sub-aktiviti penyelidikan dan perancangan dan \$178,268 adalah untuk sub-aktiviti penyelarasan dan pengesanan. Dengan itu maka peruntukan yang diperlukan bagi keseluruhan aktiviti pentadbiran am Kementerian saya adalah berjumlah \$1,096,400.

Tuan Pengerusi, Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan memerlukan \$1,115,000 bagi melicinkan lagi pentadbiran tanah dan mengendalikan serta melaksanakan pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan. Pejabat Tanah adalah ditadbirkan mengikut susunan sistem yang mana tiap-tiap yunit dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang dikhaskan yang mana yunit-yunit tersebut adalah terbahagi kepada yunit pembangunan tanah, yunit pemberian milik tanah, yunit lesen menduduki sementara dan harta pusaka kecil, yunit hak milik subsidiary, yunit pentadbiran dan kewangan, yunit juru tris, yunit pendaftaran, yunit pungutan hasil, yunit setinggalan, yunit pengambilan balik tanah. Yunit-yunit tersebut adalah memainkan peranan penting dalam pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan dalam berbagai bidang bagi menjayakan lagi pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan.

Sementara itu pejabat ini sedang menyiasat sumber-sumber untuk menambatkan hasil jabatan ini, satu daripada cadangan-cadangan berkenaan adalah untuk

meminda kaedah-kaedah tanah yang ada di Wilayah Persekutuan sekarang. Dengan mengenakan kadar baru itu adalah dapat dianggarkan pungutan hasil Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan sebanyak \$1.8 juta setahun dapat diatasi. Dengan pengujudan satu unit baru terhadap permohonan pecah sempadan bangunan, pelaksanaan terhadap mengeluarkan hak milik strata atau subsidiary title akan berjalan dengan lebih teratur dan licin lagi berasaskan kepada prinsip 'Property Owning'. Jabatan ini telah dan akan berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung dengan soal setinggan, pengambilan balik tanah bagi projek Kerajaan yang besar-besar, terutamanya bagi mengadakan pelan-pelan rancangan perumahan dan lain-lain dengan kerjasama Dewan Bandaraya untuk mencapai objektif-objektif Kerajaan bagi mengadakan rumah-rumah berharga murah untuk rakyat berpendapatan rendah di sekitar Wilayah Persekutuan dan juga berusaha menjalankan tugas-tugas dengan berpandukan kepada Dasar Ekonomi Baru. Jabatan ini akan menumpukan perhatian yang penuh bagi menguruskan pungutan hasil tanah dan akan menguatkuasakan undang-undang tanah yang berhubung dengannya supaya tidak berlaku tunggakan cukai.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mengemukakan belanjawan-belanjawan mengurus dan pembangunan bagi maksud Kepala B. 22 dan P. 22 bagi Kementerian saya untuk diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

5.30 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan B. 22—Kementerian Wilayah Persekutuan, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, muka surat 133; Maksud Pembangunan P. 22, Butiran I—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan; Butiran 16—Pasar Borong, Utara dan Selatan; Butiran 20—Jalan-jalan dan Jambatan, muka surat 136.

Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur sejak diisytiharkan sebagai Bandaraya telah bertukar corak dan pandangannya. Bangunan-bangunan pencakar langit didirikan dengan

banyaknya. Bulatan-bulatan jalan telah nampak ada perubahan dan ditukar dengan sistem penggunaan lampu isyarat, begitu juga dengan jejambat (jalan di atas jambatan).

Saya ingin menyentuh khusus mengenai perumahan awam. Ternampak pada kita sekarang bahawa rumah-rumah setinggan didirikan di merata ceruk di Bandaraya ini. Kalau kita perhatikan keadaan penduduk-penduduk di kawasan setinggan itu, sangatlah menyedihkan. Saya mengharapkan bahawa apabila perumahan awam ini hendak didirikan, kalau dapat, biarlah didirikan di tempat-tempat di mana setinggan-setinggan itu tinggal. Tanah di bandaraya ini sangat terhad. Dari itu adalah wajar ditempatkan di mana setinggan-setinggan itu tinggal, maka didirikan flet-flet hingga lebih daripada 10 tingkat. Keutamaan hendaklah diberi kepada mereka itu. Dengan jalan ini, saya rasa Dewan Bandaraya dapat mengurangkan kesesakan penduduk di bandar dengan kemudahan yang lebih teratur dan selesa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Pasar Borong. Pasar Borong yang ada sekarang ini, saya rasa sudah mencukupi untuk penduduk-penduduk Kuala Lumpur dan sekitarnya. Apa yang saya harapkan ialah Pasar Borong yang seumpama ini hendaklah diperbanyakkan atau didirikan di luar daripada Bandaraya Kuala Lumpur. Ini bukan sahaja dapat mengelakkan kesesakan kenderaan dengan berbagai aneka ragam, tetapi juga dapat memberi kemudahan pasaran kepada tempat-tempat lain. Misalnya di Petaling Jaya yang saya rasa sangat memerlukan Pasar Borong di sana. Ini juga dapat menolong mereka yang duduk disekitarnya, seperti di Shah Alam dan Kelang di mana penduduk-penduduk di kedua-dua tempat itu telah bertambah dengan banyaknya dan memerlukan Pasar Borongnya yang tersendiri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, perubahan jalanraya telah dibuat dengan begitu pesatnya. Di mana-mana sahaja terdapat lencongan jalan yang diperbetulkan. Kenderaan-kenderaan begitu banyak sehingga di setengah-setengah tempat

sukan bagi orang ramai menyeberang jalan. Saya mengharapkan bahawa di tempat-tempat yang menyebabkan sukar bagi orang ramai berjalan kaki menyeberang jalan, maka mengadakan jejambat adalah satu daripada cara mengatasinya. Umpamanya, Jalan Bangsar memerlukan sangat jejambat. Satu berhampiran dengan Pusat Kesihatan Umum, dan satu lagi di Sekolah Kebangsaan Jalan Bangsar di mana kanak-kanak sekolah dan orang ramai sukar hendak menyeberang jalan. Tempat-tempat ini adalah sangat merbahaya bagi kanak-kanak sekolah dan didapati selalu berlaku kemalangan.

Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa oleh kerana Dewan Bandaraya telah banyak membelanjakan jejambat-jejambat di tempat-tempat yang berkenaan yang mana didapati tidak digunakan sepenuhnya oleh orang ramai, maka saya rasa tindakan hendaklah diambil dengan menempatkan Trafik Warden di tempat-tempat yang tersebut untuk memberi kesedaran kepada orang ramai betapa perlunya menggunakan jejambat tersebut untuk keselamatan mereka. Menanamkan perasaan sivik seperti ini adalah perlu. Dengan jalan ini bukan sahaja dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada orang ramai, malah dapat mengurangkan kesesakan kenderaan di jalan-jalanraya.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

5.34 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin berucap berhubung dengan Maksud Bekalan B. 22, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan yang diperuntukkan sebanyak \$892,000.

Saya sangat-sangat tertarik untuk menyentuh perkara Pentadbiran Ugama Islam di Wilayah Persekutuan, kerana menunjukkan keazaman Kerajaan Pusat yang sungguh-sungguh di dalam usaha memperkemas Pentadbiran Ugama Islam, menghilangkan keraguan yang mana Kerajaan tidak mengambil berat berkenaan dengan ugama dan juga menghapuskan segala sangkaan buruk terhadap sikap Kerajaan berhubung dengan ugama Islam.

Lebih-lebih lagi yang menarik hati saya ialah kakitangan yang diperuntukkan di dalam Kementerian Wilayah Persekutuan lebih separuh daripadanya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab berkenaan ugama Islam, iaitu sebanyak 191 orang. Dan begitu juga berhubung dengan penyusunan unit-unit bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti sangat menarik.

Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah peruntukan yang diperuntukkan sebanyak \$892,000 itu pada pendapat saya tidak mencukupi malah patut ditambah kerana bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti atau menjalankan tugas unit-unit sepertimana yang terkandung di dalam buku Belanjawan muka surat 219 untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti unit-unit yang telah ditubuhkan itu berkehendakkan kepada kepakaran. Maka dengan sebab itulah saya katakan peruntukan yang diperuntukkan sebanyak \$892,000 itu tidak mencukupi.

Mengapa saya berkata demikian? Kerana tiap-tiap unit yang telah ditubuhkan itu berkehendakkan kepada kepakaran dan berkehendakkan kepada pegawai-pegawai yang pakar di dalam bidang-bidang tertentu. Maka ini sudah tentu berkehendakkan kepada wang yang lebih banyak untuk gaji dan elaun mereka itu.

Sebagai contohnya Unit Pentadbiran. Unit Pentadbiran ialah bertanggungjawab seperti yang telah diterangkan oleh Setiausaha Parlimen tadi untuk pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, maka Jabatan itu berkehendakkan kepada perlaksanaan Undang-undang Islam sejajar dengan kesucian ugama Islam. Mahkamah-mahkamah Syariah patut dikemaskinikan lagi supaya dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih kemas. Melaksanakan Undang-undang Islam dengan lebih berkesan terutama sekali di dalam soal pusaka.

Saya sentuh berkenaan soal pusaka ini, kerana hingga hari ini kita telah mendengar momok-momok yang telah dimomokkan kepada ugama Islam mengatakan Undang-undang ataupun pentadbiran pusaka di dalam Islam itu tidak kemas dan tidak sesuai, kerana dengan adanya cara pentadbiran pusaka, boleh menyebabkan

perpecahan tanah sehingga menyebabkan keadaan tanah tidak sesuai. Ini satu momok yang telah dilemparkan kepada agama Islam padahal kalau sekiranya ada perkara-perkara Undang-undang Islam boleh mentadbirkan Mahkamah Syariah dalam soal ini, sudah tentu dapat mencari jalan untuk mengatasi dan mengadakan undang-undang yang tidak berlawanan dengan ajaran agama Islam, malah lebih dapat menyesuaikan keadaan Islam itu dengan hakikat yang sebenarnya.

Begitu juga berkenaan dengan perceraian dan nafkah. Berkenaan dengan perceraian dan nafkah ini berkehendakkan bukan sahaja kepada kadi-kadi untuk menghukum tetapi berkehendakkan juga kepada pendakwa-pendakwa yang telah ditetapkan, pendakwa-pendakwa yang mahir di dalam soal pentadbiran agama Islam. Manakala Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dapat mengemukakan pegawai-pegawai sebagai pendakwa, maka satu perkara yang patut juga dimasukkan sebagai satu kegiatan iaitu membuka peluang bagi mengadakan peguam-peguam syariah untuk mempertahankan berkenaan dengan perceraian dan nafkah ini mengikut Undang-undang Islam.

Setakat sekarang ini perempuan-perempuan yang telah diceraikan oleh bekas-bekas suami mereka begitu juga perempuan-perempuan yang menuntut nafkah bergantung harap kepada Biro Guaman yang mana peguam-peguam dan Biro Guaman itu tidak begitu mahir di dalam soal pentadbiran agama. Jadi kalaulah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini diperuntukkan peguam-peguam syariah, maka sudah tentu bukan sahaja dapat mempertahankan ataupun dapat membela balu-balu ataupun janda-janda itu untuk mendapatkan hak kebendaannya sebagai nafkah, tetapi dapat juga membela hak-haknya yang lain mengikut ajaran agama Islam yang maha suci.

Sebagai contoh kedua, berkenaan dengan Unit Kebajikan Saudara-saudara Baru. Sekarang ini kita dapati saudara-saudara baru sudah banyak masuk Agama Islam tetapi tidak begitu tersusun dan terkawal. Unit ini pun, pada pendapat saya, berkehendakkan kepada kepakaran di dalam

membela saudara-saudara baru supaya menghapuskan keraguan-keraguan yang sekarang ini kita biasa dengar iaitu seorang lelaki masuk Islam tetapi isterinya tidak masuk Islam, anaknya tidak masuk Islam, tidak ada satu pihak yang dapat menyusunkan supaya tidak lari daripada ajaran-ajaran agama. Kalau sekiranya seorang lelaki itu masuk Islam kalau mengikut ajaran agama, isterinya tidak masuk Islam maka mestilah dimufarakahkan perkara ini. Tetapi keadaan semacam ini belum lagi terbela. Oleh sebab itu, pada pendapat saya, patut mendapat pembelaan di dalam masalah ini.

Selain daripada itu kemasukan orang-orang yang bukan Islam kepada Islam ini bagi menjaga kesucian agama Islam janganlah dipercemarkan, kerana ada setengah-setengah yang memeluk agama Islam bukan dengan niat yang suci tetapi semata-mata mencari jalan untuk hidup. Maka dengan cara ini membawakan satu perkara yang tidak baik kepada kedudukan agama Islam, mencemarkan kedudukan agama Islam. Dengan adanya tauliah atau surat diberi kepada mereka itu mereka berjalan merata-rata untuk meminta sedekah. Padahal mengikut agama Islam ini boleh diatasi dengan terbentuknya satu penyusunan zakat, kerana di dalam zakat itu boleh diberi kepada mereka untuk sementara mereka dapat mata pencarian. Begitu juga berkenaan Yunit Pelajaran.

Berhubung dengan Yunit Pelajaran, pujian patut diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah mengambil berat berkenaan dengan sekolah-sekolah agama di dalam Wilayah Persekutuan tetapi apa yang ingin saya menarik perhatian di sini ialah berkenaan dengan pentadbiran sekolah agama itu, kerana sekolah-sekolah agama yang ada di Wilayah Persekutuan mahupun di luar Wilayah Persekutuan adalah merupakan sekolah-sekolah menengah. Saya bimbang, kalaulah penyusunan tidak begitu rapi maka sudah tentu dengan terbentuknya sekolah-sekolah menengah ini akan menjadi dua aliran pelajaran yang diberikan kepada anak-anak di peringkat rendah dan menengah. Kalaulah bentuk ini dijalankan sepertimana dari dulu maka ini membawa akibat perpecahan di dalam masyarakat

Islam sendiri. Ada satu golongan murid-murid yang keluar daripada sekolah menengah, murid-murid sekolah agama; ada satu golongan murid-murid bukan sekolah agama. Jadi dengan sebab itu, pada pendapat saya, di dalam menyusun sekolah-sekolah agama terutama sekali Wilayah Persekutuan yang saya harap akan menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain penyusunan sekolah-sekolah agama ini hendaklah jangan membawa dua corak yang berasingan bagi membentuk pelajaran menengah di dalam sekolah-sekolah menengah. Biarlah pelajaran-pelajaran yang diberikan kepada kanak-kanak itu seimbang di antara pelajaran rohani dan duniawi supaya dapat memperseimbangkan kedudukan mereka itu dan menjadi contoh pula kepada murid-murid yang lain.

Apa yang penting di dalam pendidikan agama ini, pada pendapat saya, ialah bukan untuk menjadikan anak-anak itu orang yang pakar di dalam agama ataupun di dalam sekolah menengah tetapi memadai bagi mereka ialah untuk menanamkan semangat dan roh keislaman kepada mereka itu bagi membolehkan mereka itu untuk meneruskan pelajaran yang lebih tinggi dan dengan tidak terpesong dengan dakwah-dakwah yang menyeleweng. Pada pendapat saya, dakwah-dakwah yang menyeleweng hari ini ialah disebabkan oleh anak-anak yang kosong dengan roh dan semangat Islam. Kerana kekosongan mereka itu dan kesedaran mereka itu untuk merujuk kembali kepada Islam padahal jiwa mereka dan pengetahuan mereka amat cetek di dalam pelajaran agama menyebabkan manakala mereka yang telah merasa sedar di atas kesilapan-kesilapan mereka itu maka mereka hendak membersihkan diri mereka dengan sepenuhnya padahal mereka tidak tahu berkenaan dengan pengetahuan agama Islam yang lebih banyak, maka dengan sebab itulah senang terjerumus dengan dakwah-dakwah yang menyeleweng. Ini satu perkara yang berkehendakkan kepada kepakaran di dalam pentadbiran sekolah agama di dalam Wilayah Persekutuan khususnya.

Berhubung dengan Unit Zakat dan Baitulmal. Ini pun, pada pendapat saya satu unit yang berkehendakkan kepada satu penelitian yang mendalam. Suka juga saya

menarik perhatian di sini berkenaan dengan Unit ini. Di dalam melaksanakan Unit ini patutlah Kerajaan Wilayah Persekutuan mewajibkan kepada mereka yang menetap di Wilayah Persekutuan membayar fitrah kepada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan bukan sepertimana keadaan sekarang ini kerana mereka daripada kampung-kampung datang menetap duduk di sini, makan gaji di sini, bekerja di sini tetapi masa cuti hariraya mereka bayar balik fitrah di kampung-kampung. Ini satu perkara, pada pendapat saya, tidak begitu sesuai dengan ajaran agama kerana agama berkehendakkan dia membayar di mana tempat dia menetap, bukan di mana tempat dia asal. Dengan sebab itu patutlah Jabatan-jabatan Agama di Wilayah Persekutuan dijadikan sebagai undang-undang mereka yang bekerja di Wilayah Persekutuan ini patutlah membayar fitrahnya kepada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan.

Satu lagi ialah oleh kerana Wilayah Persekutuan ini satu wilayah yang tidak banyak zakat biji-bijian seperti padi misalnya tetapi satu harta ataupun satu pendapatan zakat yang lebih banyak lagi yang boleh didapati di dalam Wilayah Persekutuan ini ialah zakat harta dan perniagaan.

Setakat ini keseluruhan negeri di dalam Semenanjung Malaysia ini tidak ada lagi menyusun satu undang-undang berkenaan dengan zakat harta dan zakat perniagaan maka saya syorkan kepada Jabatan Agama Wilayah Persekutuan menyusunkan satu undang-undang berhubung dengan zakat harta dan zakat perniagaan yang boleh dipraktikkan dan dimulakan di Wilayah Persekutuan kemudian dijadikan contoh kepada negeri-negeri yang lain supaya diikuti, kerana kalaulah sekiranya kita dapat menjalankan betul-betul Unit Zakat ini pada pendapat saya, tidak ada kemiskinan di kalangan masyarakat Islam. Saya kata demikian bukanlah satu perkara yang baru di tempat saya, tetapi ini pernah dilaksanakan di dalam zaman pemerintahan Omar ibni Abdul Aziz di mana manakala Kerajaan mengutip zakat untuk diberikan kepada sesiapa, siapa pun tidak mahu menerima zakat kerana kesemua orang telah dapat hidup dengan mewah. Mereka menganggapkan zakat itu tidak hak bagi

mereka untuk menerimanya. Tetapi setakat sekarang ini di dalam Wilayah Persekutuan juga dan di negeri-negeri di dalam Malaysia ini belum dapat menyempurnakan perjalanan zakat dan fitrah ini dengan sebenarnya, maka dengan sebab itulah saya berharap kepada Unit Zakat di dalam Kerajaan Wilayah Persekutuan ini dapat menyusun satu undang-undang zakat dan fitrah yang boleh diamal dan dikerjakan dengan sebaik-baiknya dan dapat pula memberikan hak-haknya kepada orang-orang yang telah ditentukan iaitu orang yang delapan.

Kalaulah ini dapat dilaksanakan, saya rasa ajaran Jabatan Ugama Islam di Wilayah Persekutuan boleh menghapuskan pengemis-pengemis yang terdiri daripada orang-orang Islam yang ada disegenap jambatan di Wilayah Persekutuan ini yang mana kalau sekiranya mereka itu berasal daripada Wilayah Persekutuan boleh diberikan bantuan dengan zakat fitrah dan kalaulah mereka itu datang daripada luar mereka boleh dihantar pulang ke negeri mereka masing-masing. Dengan cara ini boleh menghapuskan segala kemiskinan yang ada di dalam masyarakat orang Islam, terutama di Wilayah Persekutuan.

Akhir sekali saya berharap Pentadbiran Ugama Islam di Wilayah Persekutuan ini hendaklah dijadikan sebagai satu contoh samada dari segi penyusunan pentadbirannya dan perjalanan aktiviti-aktivitinya menjadi sebagai satu contoh kepada negeri-negeri yang lain. Oleh kerana memandangkan kepada kesungguhan yang saya dapati daripada Kementerian Wilayah Persekutuan di dalam soal Pentadbiran Ugama Islam ini, maka saya berharap supaya peruntukan itu ditambah lagi bagi membolehkan Bahagian Ugama dalam Wilayah Persekutuan menjalankan aktiviti-aktivitinya.

5.51 ptg.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap Maksud B. 22—Kementerian Wilayah Persekutuan Aktiviti (2)—Pentadbiran Ugama Islam.

Pentadbiran Ugama Islam merupakan salah satu Bahagian yang penting dalam Kementerian Wilayah Persekutuan. Ia

diamanahkan untuk menjaga kepentingan 30% daripada pendudukan Wilayah Persekutuan yang berkaitan dengan keislaman dan menyentuh bidang-bidang kekeluargaan, kebajikan, keselamatan, akedah, pegangan dan lain-lain kegiatan yang dibagikan kepada yunit-yunit kehakiman atau perkadian, zakat fitrah, dakwah, pentadbiran masjid, pelajaran, penguatkuasaan pendakwaan, kebajikan saudara-saudara baru dan lain-lain.

Dilihat daripada peruntukan yang dikemukakan untuk kelulusan Dewan ini sebanyak \$2,530,500 saya dapat menggambarkan bahawa Pentadbiran Ugama Islam ini adalah lemah dan tidak sesuai untuk mengendalikan tugas-tugas yang berat yang dipikulkan ke atas Jabatan Ugama Islam. Kita ambil yunit Baitulmal sebagai contoh. Di Wilayah Persekutuan ini hanya ada dua orang sahaja pegawai yang sedang membuat kerja-kerja yang bersangkutan dengan Baitulmal, dengan zakat, ia bertugas untuk memungut zakat, membahagi, menilai dan menguatkuasakan segala bentuk aktiviti yang bersangkutan dengan Baitulmal dan zakat. Pegawai lain yang ada kaitan dengan tugas Baitulmal ialah seorang Pegawai Kerja Akaun dan seorang Kerani sahaja sedangkan tugas yunit ini adalah berat dan mempunyai hubungan dengan lebih kurang 250,000 orang Islam dan juga ada hubungan dengan Institusi Perniagaan dan orang-orang kaya yang beragama Islam yang wajib membayar zakat. Kerana kelemahan ini, yunit ini hanya berjaya memungut zakat perniagaan daripada 7 orang sahaja berbanding dengan peniaga-peniaga Islam yang berdaftar kepada Dewan Bandaraya berjumlah kira-kira 800 orang. Ini tidak termasuk yang berdaftar kepada Pejabat-pejabat Pendaftaran Syarikat. Kutipan yang berjaya dilakukan hanya kutipan zakat fitrah sahaja, iaitu kira-kira 80%. Wang-wang yang dikutip daripada punca-punca Baitulmal ini pula tidak diuruskan secara yang sewajarnya. Tidak ada Jabatan yang bertanggungjawab untuk memaju atau mengembang wang Baitulmal ini dan kerana itu ia tidak dapat diperkembangkan bagi faedah umat Islam.

Kelemahan juga kita dapati daripada Bahagian Penguatkuasa di mana undang-undang yang digunakan sekarang ini tidak

memberi perlindungan kepada pegawai-pegawai yang menguatkuasakan penyiasatan-penyiasatan dan juga tidak ada panduan-panduan serta kuasa-kuasa yang diberi untuk menangkap orang-orang yang disyaki dan kerana itu Bahagian ini terpaksa minta bantuan daripada Polis yang juga sebek dengan kerja masing-masing.

Bahagian Penyiasatan juga sedang menghadapi kekurangan tenaga untuk menyiasat. Bahagian Penyiasatan hanya berjumlah 7 orang yang perlu mengawal 250,000 penduduk Islam, sebaliknya di Kota Bharu di mana penduduknya hanya 70,000 orang yang mana 14 orang telah ditugaskan untuk menjaga kawasan tersebut. Negeri Kelantan telah diberi dua Land Rover untuk menjalani tugas-tugas penyiasatan dan rondaan, tetapi di Wilayah Persekutuan ini tidak ada kenderaan untuk tujuan itu. Kenderaan merupakan keperluan mustahak, untuk penyiasatan-penyiasatan perlu digunakan untuk perondaan dan membawa pesalah-pesalah ke Pejabat Penyiasatan atau ke Mahkamah Syariah untuk apa-apa tindakan.

Dalam soal pentadbiran ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kelemahan perjalanan Mahkamah Syariah. Banyak sudah diperkatakan mengenai kelemahan mahkamah ini, tetapi tindakan-tindakan yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini belum lagi dibereskan. Kelewatan ini melibatkan kepentingan umat Islam di Wilayah Persekutuan terutama keluarga-keluarga Islam, isteri-isteri dan anak-anak yang ditinggalkan oleh bapa mereka. Mahkamah Syariah berjalan tidak mengikut panduan undang-undang yang kemas dan lengkap, yang menjadi panduan sekarang hanyalah Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Selangor Tahun 1952 yang memberi panduan secara am yang tidak mencukupi untuk mengendalikannya mahkamah secara yang sewajarnya. Misalnya, undang-undang itu secara am menyebut bahawa undang-undang keterangan yang digunakan di mahkamah ialah undang-undang Islam, tetapi keterangan undang-undang Islam itu tidak pernah dikumpul dan disusun untuk diaktakan. Pihak Pentadbiran Ugama Islam perlu menguatkuasakan atau mengutamakan penyelesaian undang-undang ini untuk

menjamin keadilan dalam perjalanan Mahkamah Syariah.

Saya juga ingin menyentuh Undang-undang Keluarga Islam, satu undang-undang keluarga yang lengkap dan menyeluruh hendaklah dibuat dengan segera kerana undang-undang seperti ini belum ada sekarang ini. Perjalanan undang-undang mengenai keluarga hanya berpandu kepada panduan-panduan yang kabur daripada undang-undang pentadbiran yang saya sebutkan tadi. Jawatankuasa yang dilantik untuk tujuan ini terlalu lambat menyiapkan laporan-laporannya.

Saya difahamkan Jawatankuasa ini jarang-jarang mengadakan mesyuarat, kerana kesebokan beberapa pegawai penting yang menganggotai Jawatankuasa itu. Jika sekiranya ini gagal menjalankan tugasnya, saya mencadangkan supaya satu Jawatankuasa di Raja dibentuk sebagaimana Kerajaan membentuk Jawatankuasa di Raja untuk mengkaji Undang-undang Keluarga Bukan Islam. Undang-undang keluarga ini memang sudah begitu lama dibangkit-bangkitkan, tetapi belum diketahui nasibnya. Saya difahamkan bahawa halangan terbesar dalam menyiapkan penggubalan undang-undang tersebut ialah Akta Mahkamah Syariah tahun 1965 yang menghadkan kepada hukuman-hukuman yang tidak lebih daripada enam bulan dan denda yang tidak lebih daripada \$1,000 kepada orang-orang yang melakukan kesalahan di bawah hukum-hukum Islam. Akta ini menjadi batu penghalang yang besar untuk Jawatankuasa ini mengadakan perubahan-perubahan supaya undang-undang itu lebih Islamik dan lebih menepati hukum-hukum Islam yang sebenarnya. Walaupun Menteri Tak Bertfolio menerangkan di Dewan ini dalam masa soal-jawab, Kerajaan sedang mengkaji untuk memansuhkannya tetapi jawapan itu umum dan tidak jelas. Saya meminta Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan menerangkan kepada Dewan ini samada perkara ini telah dikemukakan kepada Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara untuk membuat pindaan atau memansuhkan Akta yang menjadi batu penghalang ini. Sekiranya telah dikemukakan, bilakah agaknya akan dibentangkan di Dewan ini supaya

Jawatankuasa yang dilantik itu lebih segera menjalankan tugas-tugasnya. Perkara ini perlu disegerakan memandangkan sudah lama tuntutan-tuntutan supaya diperbaiki Undang-undang Keluarga Islam demi untuk kepentingan rakyat.

Saya juga ingin menyentuh di sini mengenai dilemma yang dihadapi oleh pegawai-pegawai daripada pentadbiran ugama Islam iaitu khususnya mengenai dakwah Islamiah kerana sewaktu mereka menjalankan tugas-tugas yang dipikul oleh Kerajaan kepada mereka terutamanya untuk mengimbangi kemajuan rohaniah dan juga pembangunan fizikal mereka menghadapi masalah-masalah kerana terlalu banyaknya punca-punca maksiat yang terdapat di Kuala Lumpur ini dan juga setengah-setengah pihak pula menggalakkan punca-punca maksiat ini dan mereka menghadapi dilemma seolah-olahnya apa yang mereka usahakan itu diruntuhkan oleh suasana-suasana yang demikian.

Saya harap bahawa pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mengkaji kedudukan ini supaya benar-benar hasrat untuk mengimbangi keadaan itu dapat dilaksanakan dan dari jawapan Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio yang bertanggungjawab juga dalam masalah keugamaan ini beliau menegaskan bahawa memang hasrat Kerajaan untuk mengurangkan punca-punca maksiat itu tetapi saya belum berpuas hati kerana di dalam perkembangan-perkembangan lahirnya kita dapati keadaan itu tidak wujud kerana punca-punca maksiat dan kegiatan-kegiatan maksiat makin bertambah dan ini bukan sahaja menjadi tugas pihak pentadbiran ugama Islam tetapi melibatkan juga soal pentadbiran-pentadbiran yang lain termasuk pentadbiran yang berkaitan dengan hal-hal yang lebih luas lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang P. 22 Butiran 1. Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Dalam masalah ini saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada corak rumah yang dibina oleh Dewan Bandaraya, terutama yang diuntukkan kepada rakyat yang berpendapatan rendah, khususnya rumah-rumah pangsa. Daripada bentuk rumah-rumah pangsa di Wilayah

Persekutuan jelas kepada kita yang menjadi perhitungan utama ialah mengadakan rumah-rumah murah. Perhatian terhadap kesan-kesan sosial daripada bentuk rumah tidak diberikan, misalnya sebahagian besar rumah-rumah pangsa itu tidak mengindahkan sangat masalah-masalah privacy yang diperlukan oleh satu-satu yunit rumah dari sudut kemasyarakatan. Saya lihat di Kuala Lumpur terdapat rumah-rumah pangsa yang jika kita hendak melawat ke rumah kenalan yang tinggal di rumah pangsa itu terpaksa melalui yunit-yunit orang lain yang boleh mengganggu privacy orang itu. Bentuk rumah pangsa ini tidak menyekat pergerakan kanak-kanak untuk memasuki rumah-rumah jiran dengan bebasnya. Gangguan kanak-kanak ini boleh merosakkan perhubungan antara jiran tetangga.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan melantik ahli-ahli kemasyarakatan dan juga ugama dalam mana-mana Jawatankuasa yang berkenaan dengan perumahan ini bagi melihat aspek-aspek sosial dan ugama supaya dapat disusun perancangannya dan bentuk rumah yang sesuai supaya tidak menimbulkan masalah-masalah sosial yang rumit.

6.04 ptg.

Dr. Hee Tien Lal (Ayer Hitam): Terima kasih, Tuan Pengerusi, yang telah memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peruntukan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 1979.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh atas tiga perkara sahaja. Yang pertama mengenai P. 22, Butiran 2, Pengawalan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebutkan bahawa adalah lebih 200,000 setinggalan-setinggalan yang ada di Wilayah Persekutuan. Ini bermakna $\frac{1}{4}$ orang di Wilayah ini adalah setinggalan-setinggalan, bermakna perkara setinggalan adalah serius.

Saya ada membaca dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga hanya \$100 juta yang telah diuntukkan bagi perumahan dalam Wilayah, saya fikir peruntukan ini

adalah sangat kecil dan tidak mencukupi kalau pihak Kerajaan hendak mengatasi masalah perumahan di dalam Wilayah untuk setinggan-setinggan dengan ikhlasnya. Oleh kerana pada masa sekarang bilangan penduduk (population) dalam Wilayah adalah lebih daripada 900,000 orang dan sehingga tahun 1980 kita akan sampai bilangan 1 juta orang dan sehingga tahun 1985 bilangan penduduk akan sampai 2 juta orang, bermakna masalah ini dalam tempoh 5 tahun akan menambahkan kerumitan dengan dua kali gandanya. Saya fikir rancangan kalau dengan langkah yang telah diambil sekarang dan telah dirancangan, saya fikir dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Rancangan Malaysia Keempat, mungkin Rancangan Malaysia Kelima pun tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Oleh kerana itu saya harapkan pihak Kementerian akan mengkaji sedalam-dalamnya untuk mencari langkah mengatasi satu masalah sosial yang rumit ini. Kalau tak silap saya menurut satu kajian bahawa pada masa sekarang hanya 6% tanah dalam Wilayah yang belum dibangunkan, bermakna hanya sedikit sahaja tanah yang belum digunakan dan saya harap pihak yang berkuasa akan merancang dengan teliti atas penggunaan-penggunaan tanah yang sedikit sahaja ada dalam Wilayah pada masa sekarang. Kalau tidak, saya fikir pada masa hadapan kita akan menghadapi masalah yang tidak boleh diatasi.

Tuan Pengerusi, yang kedua, B. 20 Butiran 2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang.

Tuan Pengerusi: B. berapa Yang Berhormat?

Dr. Hee Tien Lai: B. 22. Adalah jelas kepada kita semua bahawa di Wilayah kita khususnya di Bandar Kuala Lumpur, masa transit system yang ada sekarang sangatlah kurang memuaskan. Kita tahu pada masa sekarang masalah Lalulintas sudah menjadi pening kepala, bukan oleh pihak berkuasa tetapi juga oleh orang ramai. Kita boleh melihat, kita tahu menurut laporan yang boleh dipercayai bahawa tidak kurang daripada 60,000 kereta-kereta yang membawa atau menumpangkan penumpang yang kurang dari dua orang masuk dan keluar

Bandar Kuala Lumpur setiap hari dan juga tidak kurang daripada 50% commuters yang tidak menggunakan pengangkutan umum. Ini memanglah menambahkan masalah trafik yang kita hadapi sekarang.

Juga saya ingin mencadangkan bahawa pihak Kerajaan patutlah mengambil langkah untuk mengelakkan high-occupancy vehicles seperti yang kita gunakan iaitu mini bas tetapi nampaknya bilangan bas adalah sangat kurang. Pada masa sekarang kita hanya ada 800 buah bas sahaja. Mengikut statistik kepunyaan kenderaan (vehicles owners) telah meningkat 14 kali ganda dalam tempoh 20 tahun yang lepas daripada 100,000 lebih buah kenderaan kepada masa sekarang 1.6 juta kenderaan. Malangnya tambahan bas hanya daripada 6,000 pada masa itu hingga sekarang 21,000 atau tiga kali sahaja. Sebab itu saya harap, khasnya kepada pihak swasta iaitu syarikat bas akan menambah atau memperbaiki lagi perkhidmatan bas yang ada khasnya selepas diisytiharkan Budget yang boleh dikatakan sederhana kepada pihak syarikat-syarikat bas ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Juga saya ingin mencadangkan bahawa kita pada masa sekarang boleh ditimbangkan menggunakan double-deckers iaitu bas dua tingkat di Kuala Lumpur. Ini bukan sahaja membolehkan kita mengatasi kekurangan bas tetapi saya fikir daripada pengalaman bandar-bandar yang lain seperti London, Singapura dan Adelaide di mana bas dua tingkat ini adalah sangat popular dan juga berkesan.

Berkenaan dengan transport bus, saya cadangkan bahawa kita mengadakan satu perkhidmatan bas daripada bandaraya Kuala Lumpur ke Lapanganterbang Subang dan daripada Lapanganterbang Subang ke Kuala Lumpur oleh kerana saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa bayaran teksi-teksi adalah sangat tinggi dan ini telah project satu imej kepada pelancung-pelancung ke negara kita bahawa taxi drivers dalam negara kita adalah cut-throats, oleh kerana itu saya fikir ini adalah satu imej yang kurang baik untuk negara kita dan saya fikir air-conditioned buses boleh memainkan peranan yang berkesan untuk mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi.

Walaupun saya bukan seorang pakar traffic tetapi saya fikir dari segi pengalaman negeri-negeri lain yang mana traffic pricing system patutlah diberikan keutamaan. Sistem ini boleh menjadi salah satu langkah untuk jangka pendek, tetapi untuk jangka panjang patutlah pihak Kerajaan mengkaji penggunaan sistem yang lebih moden iaitu monorail atau tiub bawah tanah dan lain-lain untuk masa yang akan datang ini.

Yang ketiga, berkenaan Maksud P. 22, Butiran 20, Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian yang telah memberikan kebaikan kepada jalan-jalan yang ada di Wilayah Persekutuan dan langkah-langkahnya boleh kita lihat adalah sangat-sangat dialu-alukan. Tetapi nampaknya langkah-langkah yang telah diambil adalah secara ad-hoc sahaja, kalau tidak silap saya Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa yang lalu telah membangkitkan perkara traffic planning atau satu.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di bawah Butiran 20 Kementerian tidak minta apa-apa peruntukan untuk tahun 1979.

Dr. Hee Tien Lai: P. 22, Butiran 20—Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi Kementerian tidak minta wang apa-apa bagi tahun 1979. Di bawah Butiran 20, Kementerian tidak berkehendakkan wang apa-apa, jadi tidak boleh bincang.

Dr. Hee Tien Lai: Ini saya hanya.....

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, sebab dia tidak ada minta apa-apa wang, buat apa hendak bincang. Untuk bercakap sahaja tidak boleh!

Dr. Hee Tien Lai: Ini berkenaan dengan perancang jalan-jalan untuk Wilayah ini.

Tuan Pengerusi: Di bawah butiran berapa?

Dr. Hee Tien Lai: P. 22, Butiran 20.

Tuan Pengerusi: Ya. P. 22, Butiran 20 betul, tetapi Kementerian tidak minta wang

apa-apa diluluskan oleh Dewan ini, jadi tidak bolehlah cakap perkara itu. Anggaran cara langsung tidak ada, pinjaman pun tidak ada, jumlah yang diuntukkan kepada JKR pun tidak ada, jadi tidak boleh cakap.

Dr. Hee Tien Lai: Kalau tidak boleh cakap tidak apa.

Tuan Pengerusi: Kementerian ini tidak meminta wang, jadi tidak boleh dibangkitkan.

Dr. Hee Tien Lai: Jikalau atas P. 22?

Tuan Pengerusi: P. 22 boleh, tetapi di bawah Butiran 20 itu, Kementerian berkenaan tidak minta peruntukan untuk tahun 1979. Bila saya bercakap, Yang Berhormat berdiri, mana hendak dengar. Duduk dahulu! Ikut Aturan Peraturan Mesyuarat, bila Pengerusi bercakap, duduk barulah boleh dengar.

Dr. Hee Tien Lai: Maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: P. 22 memang ada, tetapi di bawah Butiran 20, Kementerian tidak meminta anggaran apa-apa bagi tahun 1979 untuk diluluskan oleh Dewan ini. Jadi tidak boleh bercakap dalam perkara itu.

Tidak ada apa lagi hendak bercakap?

Dr. Hee Tien Lai: Terima kasih.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hendak bercakap juga?

Tuan Shaari bin jusoh: Ya.

Tuan Pengerusi: Sedikit sahaja boleh. Lepas Yang Berhormat bercakap, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur dan lepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Kalau tidak sempat hari ini, esok. Itu sahaja. Yang Berhormat dari Kangar.

6.18 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 22, Butiran 2300, Perhubungan—\$46,940.

Tuan Pengerusi, saya ambil tentang perhubungan kerana saya menganggapkan

Wilayah Persekutuan sebagai menghalakan perhubungan bagi Malaysia dan seterusnya bagi dunia luar. Maka dengan sebab itu perkara yang saya hendak cakap ini, satu saya berharap sangat dalam segi apa yang ada dalam Wilayah Persekutuan terutama sekali dari segi kebersihan. Saya berharap sangat patut diambil tindakan kerana Wilayah Kuala Lumpur, sebagaimana saya katakan tadi iaitu saya berpendapat sebagai muka kepada satu badan yang patut diawasi dan dijaga selalu baik buruknya Wilayah, maka baik buruklah kita bagi seluruh Malaysia.

Perkara yang saya hendak bercakap di sini, satu dari segi kebersihan patut diambil langkah yang sewajarnya oleh pihak pekerja-pekerja di Wilayah Persekutuan. Kedua, di segi apa yang ada dalam Wilayah Persekutuan baik papan tanda khasnya termasuk kedai-kedai patutlah papan tanda itu mencorakkan keadaan negara kita Malaysia. Jadi apa yang saya kata tadi patutlah ditulis dengan Bahasa Kebangsaan kepada semua papan tanda. Apabila pelawat-pelawat luar negeri datang mereka dapati apa yang ada kita ini sebagai tanda atau sebagai kepala kepada seluruh negeri yang ada dalam Malaysia. Tuan Pengerusi, apa yang saya kata di sini saya tegaskan misalnya pelawat luar negeri datang ke Wilayah Persekutuan, ke Malaysia, namanya datang ke Malaysia tetapi tempat melawat di Kuala Lumpur. Jadi apa yang ditengok di Kuala Lumpur itulah cara tak langsung dia anggap yang ada dalam seluruh Malaysia. Dengan sebab itu, bagaimana saya katakan tadi Wilayah Persekutuan dua tiga segi, satu kebersihan, kedua segala papan tanda dan ketiga keadaan penduduk-penduduk segala kaum.

Tuan Pengerusi, saya sentuh juga berkenaan dengan pentadbiran tanah kalau boleh patutlah juga Wilayah Persekutuan membanyakkan sedikit keistimewaan. Kalau umpamanya di negeri diadakan Malay Reserve patut di Wilayah Persekutuan pun diadakan Malay Reserve khas kepada bumiputra yang ada. Dengan itu, Tuan Pengerusi, boleh membanyakkan sedikit penduduk bumiputra patut datang ke Wilayah dan menseimbangkan kaum yang ada dalam Wilayah.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada P. 22, Butiran 15—Balai Bomba dan Kenderaan. Tuan Pengerusi pada pendapat saya bomba ini hendak mencegah kebakaran, jadi bila hendak mencegah kebakaran kalau lewat kita cegah api sudah membakar dahulu. Pada pendapat saya memandangkan keadaan Kuala Lumpur dengan banyak kenderaan kadang-kadang queue sampai setengah jam kalau hendak nanti kereta bomba hendak pergi walaupun ada alat berbunyi, kadang-kadang saya berpendapat walaupun ada alat bunyi kalau kereta itu jam, bunyi macam mana pun tak boleh sampai. Boleh jadi Tuan Pengerusi kata kepada saya, kalau pembesar negeri hendak berjalan diambil masa dahulu setengah jam, misalnya Ketua-ketua Polis menanti di jalanraya yang tertentu kerana Agong hendak lalu, Perdana Menteri hendak lalu dan lain-lain pembesar hendak lalu, jadi kita buat persediaan. Tetapi bila kebakaran berlaku tak boleh buat begitu sebab kebakaran tak tahu masa bila nak jadi. Dengan sebab itu saya berpendapat, Tuan Pengerusi, tak patut diadakan kenderaan macam kenderaan biasa, patut ada helikopter yang berpatutan di balai bomba di Kuala Lumpur. Apabila ada kebakaran helikopter itu baru sesuai dengan bandaraya Kuala Lumpur, kalau hendak ikut jalanraya tak sampai hendak pergi kebakaran sudah berlaku dahulu.

Tuan Pengerusi, Butiran 16—Pasar Borong, Utara dan Selatan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang berkenaan mengadakan pasar borong tetapi saya berpendapat sebelum pembinaan kajian hendaklah dibuat dengan teliti kerana setahu saya di Pasar Chow Kit Road katanya tempat penjualan di antara makanan yang boleh dimakan oleh orang Islam dengan yang tak boleh dimakan orang Islam berdekatan, cuma dihadang dengan dinding. Takdirnya kalau.....

Tuan Pengerusi: Di Chow Kit Road itu bukan pasar borong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya contohkan.

Tuan Pengerusi: Tak boleh, contoh salah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tarik balik. Jadi, saya berharaplah pasar borong ini saya yakin bukan untuk bumiputra sahaja tetapi untuk semua kaum. Dengan sebab itu jalankan.....

Tuan Pengerusi: Itu lain, kalau contoh Pasar Chow Kit itu tidak berkaitan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Contoh itu, Tuan Pengerusi, tak benarkan contoh itu saya tarik balik. Jadi jawapan saya macam inilah, biarlah pasar borong ini bersih dan tempat yang diletakkan barang jualan kerana kita banyak mana tahu apa yang tak suka ditengok oleh orang Islam misalnya patutlah dikhaskan tempat lain yang tak bercampur dan kalau dibasuh air tak mengalir ke situ, barulah menjadi kebaikan kepada kita bersama, orang hendak pergi ke situ tak benci dan dapat datang untuk kebaikan rakyat. Untuk menjimat masa, saya fikir setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

6.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, sebagai salah seorang Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan saya rasa saya ada tanggungjawab untuk menyampai sedikit pandangan terhadap ucapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa membentangkan peruntukan untuk Kementerian yang berkenaan. Yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan oleh sebab saya nampak dalam ucapan beliau pun ada sebut mengenai beberapa projek pembangunan yang akan dijalankan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, berucap mengenai B. 22, muka surat 133, Butiran 1100 Aktiviti (1) mengenai Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, berucap mengenai bahagian Pentadbiran Am ini, izinkan saya mengucapkan tahniah terhadap penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan pada 28hb Julai, 1978, yang bertujuan untuk merumus, merancang dan menentukan dasar dan matlamat pembangunan Wilayah Persekutuan dari segi ekonomi, sosial kebudayaan dan agama, dan di samping itu

menyelaraskan pentadbiran dan perancangan projek-projek pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan adalah sangat sesuai memandangkan betapa mustahak supaya perhatian penuh diberikan kepada Wilayah Persekutuan yang menjadi Ibu Negara kita, dan juga untuk menumpukan usaha bagi maksud menghadapi dan mengatasi berbagai-bagai masalah dan kerumitan yang dialami oleh penduduk yang dianggarkan lebih kurang satu juta.

Tuan Pengerusi, atas perkara pentadbiran Am juga saya rasa bahawa sebagai salah seorang Ahli Parlimen di Ibu Negara kita ini, saya rasa saya ada tanggungjawab memberi sokongan penuh kepada Kementerian yang berkenaan supaya projek pembangunan yang dilancarkan dapat dijalankan dengan mencapai kejayaan, tetapi saya berharap penubuhan Kementerian berkenaan tidak akan digunakan untuk memajukan objektif-objektif politik Parti Pemerintah oleh kerana memandangkan bahawa 3 dari 5 kawasan Parlimen di dalam Wilayah telah ditawan oleh Parti Pembangkang.

Tuan Pengerusi: Itu bukan dalam Jawatankuasa.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak sentuh sedikit sahaja sebagai ulasan saya. Kembali kepada perkara pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan ini, ingin saya mengesyorkan di sini bahawa selain daripada menyelaraskan pentadbiran dan perancangan projek-projek pembangunan, Kementerian ini patut mengerjakan prioriti-prioriti yang betul dalam usahanya untuk memajukan pembangunan sosio-ekonomi. Saya berpendapat bahawa Kementerian ini patut menumpukan perhatiannya kepada masalah sosio-ekonomi yang telah timbul dari proses "urbanisation" dan mengambil langkah-langkah berkesan untuk memperbaiki dan meninggikan kualiti kehidupan penduduk yang hampir satu juta.

Memandangkan kepada ini, saya cadangkan bahawa keutamaan patut diberi kepada projek-projek yang berikut:

Saya hendak sebutkan perkara ini kerana ada berkaitan dengan pentadbiran.

Tuan Pengerusi: Masa tak mengizinkan.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah saya sambung esok?

Tuan Pengerusi: Saya boleh benarkan sedikit sahaja disambung besok tetapi tak

usah panjang, lepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 17hb November, 1978 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.